

**Keluarga Cina Di Kampung
Baru - Dengan Tumpuan Khas
Kepada Mertua dan Menantu**

Oleh
Ee Mook Cheen
No. Matrik : 059742

**Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera**

**Jabatan Antropologi & Sosiologi,
Universiti Malaya,
59100 Kuala Lumpur.**

Sesi 1993/94

Penghargaan

Dengan perasaan syukur dan gembira saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Di sini, ingin saya memberikan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah sudi memberikan bantuan dan kerjasama kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pertama sekali, penghargaan setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih diberikan kepada Professor Datuk Dr. Zainal Kling. Di bawah bimbingan dan penyeliaan beliau, saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini. Kemudian kepada Ketua Kampung, Setiausaha Ahli Jawatankuasa Kampung, responden utama, para responden dan pihak Pejabat Polis Daerah Tampin serta Pegawai Daerah Tampin yang telah memberikan kerjasama yang terbaik kepada saya dalam masa menjalankan kajian.

Akhir sekali, ingin saya ucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga saya yang telah memberikan sokongan kewangan dan moral kepada saya. Juga, kepada kawan-kawan yang telah memberikan sokongan dan galakkan kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Ee Mook Cheen
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur.

Sinopsis

Tajuk kajian saya ialah Keluarga Cina di Kampung Baru - Dengan Tumpuan Khas Kepada Mertua dan Menantu. Kajian ini bertujuan melihat sama ada berlaku perubahan dalam keluarga Cina khas tentang perhubungan antara mertua dan menantu dan keseluruhan keluarga secara amnya.

Kesimpulan yang didapati dari kajian menunjukkan ada berlaku perubahan perhubungan dalam keluarga Cina yang mana perhubungan kini lebih liberal dan samarata. Hubungan mertua dan menantu perempuan juga turut berubah kepada lebih harmoni dan bersifat tolak ansur. Ini terutama disebabkan kemajuan ekonomi dan pendidikan memberi peluang terbuka kepada individu untuk memperolehi pegangan ekonomi sendiri maka mereka lebih bebas dan tidak terikat kuat pada kuasa mana-mana pihak seperti dulu.

Selain itu, secara am perubahan juga didapati berlaku ke atas jenis keluarga, pemilihan jodoh, pola kediaman serta upacara dan adat-istiadat dalam keluarga Cina masa ini berbanding dengan dulu di Kampung Baru.

KANDUNGAN

Bab 2 Keluarga Dalam Masyarakat Cina Di Kampung Baru	20
2.1 Prinsip Keturunan	20
2.2 Konsep Keluarga dan Rumahtangga	24
2.3 Pola Perkahwinan dan Kediaman	26
2.4 Jenis Keluarga dan Rumahtangga	28
2.5 Sistem Peristilahan	32
Bab 3 Hubungan Dalam Keluarga...	37
3.1 Hubungan Suami Isteri	37
3.2 Hubungan Ibu Bapa dan Anak	41
3.3 Hubungan Adik-beradik	47
3.4 Hubungan Mertua dan Menantu	53
3.5 Hubungan Datuk/Nenek dan Cucu	53
Bab 4 Hubungan Mertua dan Menantu Dalam Kehidupan Seharian	56
4.1 Pekerjaan atau Ekonomi	56
4.2 Urusan Rumahtangga	62
4.3 Membuat Keputusan	66

Bab 5	Upacara dan Adat-istiadat..	72
5.1	Perkahwinan	72
5.2	Kematian	79
5.3	Menyembah Nenek Moyang dan Tuhan-tuhan Lain	87
Bab 6	Kesimpulan	93

Lampiran

Bibliografi

Senarai Rajah dan Jadual

Muka Surat

Rajah 1	Pembahagian Penduduk Kampung Baru Mengikut Umur	10
Rajah 2	Sistem Peristilahan Dalam Keluarga Cina. ..	36
Jadual 1	Jenis Perusahaan Kampung Dalam Kampung Baru	11
Jadual 2	Jenis Pekerjaan Penduduk Kampung Baru. ..	13
Jadual 3	Pendapatan Sebulan Per Keluarga Bagi Mereka Yang Bekerja.	14
Jadual 4	Peristilahan Ahli Keluarga Bagi Pihak Bapa. ..	34
Jadual 5	Peristilahan Ahli Keluarga Bagi Pihak Ibu. ..	34

PETA I : PETA LAKAR MENUNJUKKAN KEDUDUKAN KAMPUNG BARU




PETUNJUK :



- | | | |
|------------------------|----------------------------|---------------------------------|
| Sekolah Rendah | A - Masjid | G - Majestret |
| Sekolah Menengah | B - Kuil Hindu | H - Telekom |
| Stesen Petrol | C - Hospital Daerah Tampin | I - Balai bomba |
| Pasaraya (Supermarket) | D - Taman Rekreasi Tampin | J - Pejabat Polis |
| | E - Pusat Serenti Tampin | L - Pejabat Pos |
| | F - Dewan Bandaran | M - Bangunan Pentadbiran Daerah |

PETA II : PETA LAKAR MENUNJUKKAN KEADAAN KAMPUNG BARU



PETUNJUK :

- Sempadan Kampung
- [Hatched Box] Kilang Roti & Kek
- [Grid Box] Rumah Orang Tua
- [Cross-hatched Box] Rumah Kedai
- [Empty Box] Kawasan Kediaman

- 1 - Kelab Belia Yu Ai
- 2 - SRJK (C) Kg Baru
- 3 - M. C. A.
- 4 - Gerai Makanan
- 5 - Balai Raya
- 6 - Kedai Runcit
- 7 - Bangunan Kediaman Polis

Bab 1 Pendahuluan

1.1 Kenyataan Masalah

Oleh kerana masih kurang lagi kajian dibuat tentang keluarga komuniti Cina di kampung Baru maka saya cuba membuat satu kajian secara am tentang komuniti Cina di Tampin, Negeri Sembilan. Kajian ini dengan menitikberatkan tentang perubahan perhubungan antara menantu perempuan yang bekerja dengan mertua perempuan mereka.

Selalunya perhubungan antara dua golongan ini dikatakan berkonflik dan membawa ketidakamanan dalam keluarga. Oleh itu , saya menjalankan kajian ini untuk melihat bagaimana hubungan mertua perempuan dan menantu perempuan dulu dan hubungan antara mereka masa kini. Di sini juga, saya cuba mendapatkan pandangan dan pendapat mereka apakah ada berlaku perubahan perhubungan dan apa yang mendorong kepada perubahan yang berlaku.

1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini ialah mengenai keluarga Cina di Kampung Baru, khas mengenai perhubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan yang bekerja. Tujuan membuat kajian ini ialah untuk

melihat apakah benar telah berlaku perubahan perhubungan dalam keluarga Cina, terutama perhubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan berbanding dengan dulu. Dengan kemajuan dan peningkatan dalam pendidikan serta penambahan peluang pekerjaan, apakah pendapat mertua perempuan tentang menantu mereka dan pendapat menantu tentang mertua mereka masa kini dalam keluarga berbentuk stem family atau joint family.

Selain itu, kajian juga bertujuan melihat kesan perkembangan industri dan peluang pekerjaan serta pengaruh kemajuan pendidikan ke atas perubahan yang berlaku dalam kampung ini dari segi hubungan dalam keluarga, upacara dan jenis keluarga.

1.3 Tinjauan Ringkas Tulisan Yang Ada

Kajian tentang keluarga Cina telah dilakukan oleh ramai pengkaji tetapi kajian tentang hubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan adalah kurang. Jika ada, ia adalah secara ringkas dan biasanya kajian adalah menyeluruh tentang hubungan dalam keluarga. Selain itu, kajian yang dijalankan adalah kebanyakannya mengenai keluarga-keluarga Cina di negeri China, Taiwan dan Hong Kong. Kajian juga banyak tertumpu pada masyarakat Cina tradisi oleh pengkaji-pengkaji Barat dan adalah kurang tentang masyarakat Cina di Asia Tenggara.

Kajian oleh pengkaji Barat menunjukkan telah berlaku perubahan hubungan dalam keluarga Cina, begitu juga dengan hubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan pada masa ini berbanding dengan dulu di negeri China dan Taiwan. Dalam tulisan Margery Wolf, beliau menunjukkan bahawa pada masa dulu hubungan antara mertua dan menantu adalah bersifat dominasi pihak mertua ke atas pihak menantu(Margery Wolf, 1972 , hlm. 38). Winch R.F. dalam kajiannya mengenai masyarakat tradisi di China menunjukkan dalam masyarakat yang beratkan sistem nasab bapa, petempatan patrilokal dan patriakal, kedudukan wanita dalam keluarga adalah rendah sekali. Hubungan antara mertua dan menantu adalah bersifat dominasi pihak tua ke atas pihak yang muda, begitu juga dengan hubungan lain dalam keluarga(Winch R.F., 1971 , hlm. 39).

Olga Lang pula membuat pemerhatian khas tentang keluarga Cina tradisi dan semasa di China. Beliau dapati ada perubahan dalam hubungan antara golongan mertua dan menantu dalam masyarakat tersebut. Perubahan perhubungan berlaku akibat peningkatan pendidikan dan peluang pekerjaan yang kian meningkat akibat kemajuan industri membebaskan kaum menantu dari kongkongan kekuasaan mertua. Menantu boleh berdikari dan ada pendapatan sendiri, kekuasaan mertua menjadi kurang dan kini lebih bersifat harmoni dan bertolak-ansur hubungan antara mereka(Olga Lang, 1968, hlm. 339). Begitu juga dalam tulisan Man Sing Das dan Maurice Freedman menunjukkan ada trend perubahan perhubungan dalam keluarga dan antara mertua dan menantu perempuan. Dulu

perhubungan mertua dan menantu penuh dengan konflik, kedudukan menantu hanya berubah selepas dia melahirkan anak, terutama sekali jika anak tersebut seorang lelaki(Man Sing Das, 1979, hlm. 270).

Dengan itu, dari tinjauan tulisan yang dibuat dapat dilihat tanggapan pengkaji-pengkaji terhadap hubungan mertua dan menantu ini adalah berkonflik dan berlaku perselisihan. Selalunya perhubungan ialah penindasan satu pihak yang tua dan berkuasa ke atas satu pihak yang lebih muda.

Radcliff-Brown dan Nimkoff menulis pula bahawa keutuhan keluarga adalah penting dengan hubungan yang baik antara ahli-ahli dalam keluarga. Nimkoff menulis bahawa konflik antara perempuan boleh menyebabkan perpecahan sesebuah keluarga maka dengan ini jelas perlu dipelihara perhubungan baik antara mertua dan menantu dalam stem atau joint family(M.F.Nimkoff, 1965, hlm. 15).

Radcliff-Brown pula mengatakan pelbagai cara digunakan untuk memelihara hubungan antara ahli dalam keluarga oleh masyarakat-masyarakat tertentu. Beliau menulis tentang adat gurau-senda dan mengelak diamalkan oleh masyarakat untuk menjaga hubungan baik antara ahli-ahli dalam keluarga demi memastikan wujud keutuhan dan kedamaian dalam dan luar keluarga(Radcliff-Brown, 1968, hlm.103).

Dengan ini, dapat dilihat perhubungan ahli dalam keluarga adalah penting. Kemajuan pendidikan dan ekonomi telah membawa perubahan bukan saja pada ekonomi sesebuah kawasan tetapi juga telah menyebabkan perubahan dalam aspek luar ekonomi seperti perubahan keluarga dan hubungan dalam keluarga.

1.4 Kepentingan Kajian

Memandangkan keluarga adalah asas kepada masyarakat maka adalah penting mempunyai keluarga yang harmoni dan damai. Perhubungan dalam keluarga penting dalam membentuk keluarga yang harmoni. Selalunya ramai pengkaji membuat kajian tentang keluarga menekankan pada aspek ekonomi dan pada fungsi keluarga dan jarang melihat perhubungan menantu perempuan dan mertua perempuan juga satu aspek yang boleh mempengaruhi keutuhan sesebuah keluarga. Perhubungan yang baik antara kedua-dua golongan ini juga merupakan satu cara membendung konflik.

Selain daripada menekankan kepentingan hubungan dalam keluarga dan perubahan yang berlaku, kajian ini juga diharap menjadi dasar dan memberi sedikit petunjuk tentang keluarga Cina dan hubungan mertua dan menantu dalam Kampung Baru pada masa ini.

1.5 Cara Kajian dan Masalah

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan tiga cara yang utama iaitu dengan temuramah, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Temuramah tidak formal dilakukan dengan satu rangka soalan yang tetap. Soalan terutama menanyakan pendapat dan pandangan mertua tentang menantu mereka dan juga pandangan menantu tentang mertua mereka.

Memandangkan kajian ini berdasarkan hubungan peribadi dalam keluarga maka besar kemungkinan responden tidak memberika jawapan jujur, dengan itu, pemerhatian dijalankan semasa membuat temuramah. Kajian perpustakaan juga dilakukan untuk mendapatkan bahan-bahan yang relevan berkenaan topik ini.

Setelah data-data dikehendaki terkumpul, data-data ini perlu disemak dan disunting. Tujuannya adalah untuk menghapuskan kekeliruan yang mungkin timbul. Data-data yang terkumpul adalah data-data jenis kualitatif. Penyemakan berdasarkan kepada penilaian sama ada sumber berkenaan benar atau tidak maka satu garis panduan disediakan bagi penyemakan ini. Garis panduan berasaskan kepada pengalaman orang-orang yang pernah membuat penyelidikan yang sama atau hampir sama ataupun melalui pembacaan. Penyemakan kualitatif tidak semestinya dilakukan setelah kesemuanya terkumpul tetapi dilakukan sebaik sahaja sesuatu data itu didapati.

Semasa menjalankan kajian ini saya menghadapi beberapa masalah. Masalah utama ialah susah mendapatkan responen. Ini memandangkan kajian ini mengenai hubungan dalam keluarga terutama hubungan antara mertua dan menantu yang dianggap oleh kebanyakan orang Cina sebagai hubungan yang sensitif. Oleh itu ramai yang enggan bekerjasama. Namun begitu ada juga beberapa buah keluarga yang sudi bekerjasama memberi penerangan, pendapat dan pengalaman mereka kepada saya.

Selain itu, saya hadapi masalah salah tafsir soalan oleh responden. Dengan ini jawapan yang memuaskan atau tepat sukar didapati. Ini terutama berlaku antara temuramah dengan golongan mertua yang mana merupakan mereka yang lebih tua dan buta huruf.

1.6 Latarbelakang Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Kampung Baru Tampin, sebuah kampung dalam Daerah Tampin di Negeri Sembilan. Kampung ini terletak satu kilometer jaraknya dari Pekan Tampin. Ia terletak berdekatan dengan jalanraya menuju ke Kuala Pilah. Keluasan kampung ini ialah 21.5 hektar(Maklumat Asas Kampung 1990) dan mempunyai bilangan rumah sebanyak 287 buah yang terdiri daripada rumah papan, rumah separa batu dan rumah batu. Tiap-tiap satu rumah menduduki tanah yang keluasannya antara 5000 hingga 7000 kaki persegi(mengikut ketua kampung).

1.6.1 Sejarah

Kampung ini pada mulanya merupakan kawasan petempatan baru penduduk-penduduk dari kampung Batu Belang. Pada tahun 1948 masa Darurat, pihak pemerintah British khuatir dan mengesyaki penduduk-penduduk di kampung Batu Belang yang terletak di kawasan terpencil dipengaruhi oleh ideologi komunis dan memberi bantuan makanan kepada komunis maka pihak pemerintah British telah memindahkan penduduk kampung tersebut ke kawasan baru ini di bawah perintah berkurung.

Hanya selepas tahun 1952, baru ada organisasi yang dibentuk di Kampung Baru ini dan pada tahun ini jugalah Kampung Baru betul-betul ditubuhkan. Sebelum itu ada segolongan pemuda Cina telah dihantar pulang ke negara China oleh pihak British kerana mereka disyaki menyebarkan ideologi komunis kepada penduduk kampung. Sehingga 1960an barulah perintah berkurung ditamatkan.

1.6.2 Demografi

Penduduk di kampung ini majoritinya ialah kaum Cina iaitu 96% daripada jumlah penduduk. Selain itu terdapat juga kaum Melayu sebanyak 3% dan kaum India sebanyak 1%(Maklumat Asas Kampung 1990). Dalam 96% itu, majoritinya adalah kaum Cina dari kumpulan Hakka.


Bilangan penduduk di kampung ini sebenarnya tidak didapati dengan tepat iaitu kira-kira 2800 orang. Ini kerana terdapatnya suatu keadaan turun naik pada jumlah penduduk yang disebabkan oleh keadaan penduduk yang sentiasa keluar ke bandar dan pulang ke kampung sekali-sekala. Tidak terdapat perangkaan khas atau tepat tentang bilangan mereka yang keluar masuk kampung ini, tetapi dari pemerhatian dan ulasan ketua kampung, jelas bahawa ramai anggota kampung bekerja dan tinggal di Kuala Lumpur, Singapura, Brunei dan lain-lain tempat. Selain itu, ramai yang telah berkahwin pindah ke taman perumahan baru berdekatan dengan kampung ini, membentuk keluarga baru maka jumlah sebenar penduduk mungkin kurang daripada jumlah ini.

Dari jumlah penduduk, 49% adalah kaum lelaki dan 51% kaum perempuan, pembahagian kedua-dua kumpulan ini mengikut peringkat umur ditunjukkan dalam rajah 1. Kini jelas ramai yang tinggal di kampung ini adalah mereka yang masih berada pada peringkat umur persekolahan dan golongan wanita serta mereka yang telah tua. Bagi pemuda-pemudi peringkat umur 20-39 tahun, ramai telah keluar dari kampung ini dan bekerja di bandar atau tempat lain sebagai buruh, kerani, pegawai kerajaan atau swasta dan sebagainya.

Desakan ekonomi menolak keluar ramai anak-anak muda sama ada lepasan sekolah menengah atau persekolahan tinggi ke bandar untuk memperbaiki kehidupan mereka. Memandangkan perusahaan yang terdapat dalam kampung ini adalah kurang dan untuk pasaran

Rajah 1

Pembahagian Penduduk Lelaki dan Perempuan Mengikut Peringkat Umur



Sumber: Maklumat Asas Kampung Dalam Daerah Tampin, 1990

tempatan, maka mereka mencuba nasib di tempat lain untuk peluang pekerjaan yang lebih banyak dan bayaran pendapatan lebih tinggi. Jadual 1 menunjukkan jenis perusahaan yang terdapat di kampung ini dan bilangan unitnya.

Jadual 1 Jenis Perusahaan Kampung Dalam Kampung Baru

Jenis Perusahaan	Bilangan
Kilang Roti	1
Bengkel Motor	1
Bengkel Kereta	3
Kilang Perabot	1
Kedai Menjahit	3
Kimpalan Besi	3
Jumlah	12

(Sumber : Maklumat Asas Kampung Dalam Daerah Tampin, 1990)

1.6.3 Ekonomi

Kegiatan ekonomi yang terpenting di kampung ini ialah pengeraaan getah. Ia melibatkan 40% daripada jumlah penduduk bekerja di kampung ini. Pengeraaan getah bukan sahaja dari ladang milikan sendiri bahkan dari ladang-ladang orang lain. Pengeraaan getah dari ladang orang lain ini adalah sama ada melalui pemburuhan dan mendapat gaji atau melalui pajakan ladang dan membahagi dua hasilnya antara majikan dan pekerja. Biasanya pembahagian hasil dilakukan pada tingkat penjualan. Jika dilihat

dari peratusan mereka yang terlibat dengan pengerajan getah masa dulu dengan kini, jelas telah mengalami penurunan.

Pada tahun 1950an, mereka yang terlibat dalam bidang ini adalah sebanyak 80%, tetapi kini telah turun menjadi 40%. Ini terutama disebabkan hubungan harga getah dengan pasaran luar menjadikan kehidupan penduduk sangat dipengaruhi oleh keadaan turun naik harga di pasaran dunia. Bila harga getah meleset kerana persaingan dari getah tiruan yang lebih murah, kehidupan penduduk menjadi susah kerana terlalu bergantung pada bidang kerja ini. Keadaan hidup yang sukar akibat ini telah menyebabkan ramai penduduk berhijrah dan keluar dari kampung ini, pergi ke bandar atau negara lain untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik dan pendapatan yang lebih tinggi. Ada pula telah menceburι bidang kerja lain untuk mendapat pendapatan yang tetap dan terjamin.

Selain itu, pertanian juga dijalankan secara sambilan oleh penduduk kampung. Namun demikian peratusan mereka yang terlibat adalah kecil iaitu 3.5%. Tanaman yang biasa ditanam ialah sayur-sayuran dengan menggunakan alatan-alatan yang mudah dan agak moden pada masa yang sama. Penghasilan adalah untuk kegunaan sendiri dan lebihan dijual kepada penduduk kampung ini. Penubuhan kilang-kilang menjahit di sekitar kawasan kampung juga menyediakan peluang pekerjaan kepada kaum wanita. Anak-anak muda menceburkan diri ke dalam bidang perumahan sebagai buruh, kilang-kilang, sebagai kakitangan swasta dan kerajaan di kawasan berdekatan atau di bandar-bandar di Kuala Lumpur, Singapura,

Sarawak, Sabah dan Brunei(mengikut ketua kampung). Peratusan mereka yang terlibat dalam bidang-bidang kerja tertentu ditunjukkan dalam jadual.2.

Dari jadual 2, dapat diperhatikan bahawa kadar pengangguran di kampung ini adalah tinggi iaitu 10%. Ini disebabkan kurangnya peluang pekerjaan di kawasan ini. Faktor inilah menyebabkan ramai mengalih pandangan keluar dan mencari pekerjaan di tempat lain. Selain itu, mereka yang tidak bekerja ini ada yang terdiri daripada pemuda-pemuda yang enggan bekerja dan menjadi "kutu" di kampung ini. Namun demikian, kini bilangan ini telah menjadi kurang kerana ramai telah mula pergi bekerja atau hijrah keluar dari kampung ini.

Jadual 2: Jenis Pekerjaan Penduduk Kampung

Jenis Pekerjaan	Peratus (%)
Petani	3.5
Kakitangan Kerajaan	3
Kakitangan Swasta	20
Perniagaan Sendiri	5
Buruh Kasar (Kilang)	16
Penoreh Getah	40
Pencen	2
Cacat	0.5
Penganggur	10
Jumlah	100

(Sumber: Dari Maklumat Asas Kampung Dalam Daerah Tampin, 1990)

Jadual 3 Pendapatan Sebulan Perkeluarga Bagi Mereka Yang Bekerja

Pendapatan (RM)	Bilangan
Kurang 175	0
176-350	180
351-750	1260
751 ke atas	360
Jumlah	1800

(Sumber: Maklumat Asas Kampung Dalam Daerah Tampin, 1990)

Di samping itu, dari Maklumat Asas Kampung 1990 juga didapati bilangan yang bekerja di kampung ini adalah 1200orang manakala mereka yang bekerja di luar kampung adalah seramai 600orang. Dari jumlah ini dapat dilihat ramai penduduk telah bergerak keluar dari kampung untuk bekerja di tempat lain dan hanya balik ke kampung sekali-sekala. Jadual 3, menunjukkan pendapatan bulanan satu keluarga bagi mereka yang bekerja. Didapati kebanyakan keluarga adalah berada dalam lingkungan pendapatan RM351-750 sebulan. Dari pemerhatian dan temuramah dengan ketua kampung maka didapati keluarga di kampung ini berada dalam kategori keluarga menengah.

1.6.4 Pendidikan

Dari segi pendidikan, dalam kampung ini terdapat sebuah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. Jumlah penuntut dalam sekolah ini adalah 207orang. Dari bilangan ini didapati ia adalah kurang daripada jumlah mereka yang berada dalam peringkat umur

7-12 tahun. Ini adalah kerana berdekatan dengan kampung ini terdapat lagi dua buah sekolah jenis kebangsaan dan dua buah sekolah rendah kebangsaan. Ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah-sekolah ini kerana pada fikiran mereka ia lebih sesuai untuk anak-anak mereka. Bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah, berdekatan dengan kampung ini terdapat empat buah sekolah menengah. Kemudahan pendidikan di kampung ini adalah mudah maka kini majoriti anak-anak di kampung ini menamatkan pendidikan hingga ke sekolah menengah rendah.

Untuk mereka yang telah tamat pendidikan menengah dan ingin melanjutkan lagi pelajaran, maka mereka terpaksa membuatnya di tempat lain. Kebanyakan mereka yang melanjutkan pelajaran mengambil kursus pelajaran di kolej-kolej terutama di Kuala Lumpur. Mengikut Maklumat Asas Kampung 1990, bilangan mereka yang belajar di universiti tempatan dan luar negeri adalah seramai 50orang manakala mereka yang belajar di kolej-kolej adalah tidak diketahui bilangan sebenarnya.

Dari laporan satu penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar-pelajar dari Kolej Tunku Abdul Rahman dengan kerjasama Jawatankuasa Kampung pada tahun 1990, didapati kira-kira 70% daripada keluarga, anak-anak mereka telah memasuki bidang pekerjaan pada peringkat umur yang muda. Dengan ini didapati budaya belajar di kampung ini adalah tidak begitu baik. Dengan itu

bilangan mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi juga adalah kurang.

1.6.5 Sosial

Kampung ini mempunyai sebuah balai raya, sebuah kelab belia, sebuah rumah orang tua, tiga buah kedai runcit dan tiga buah tokong Cina. Di samping itu, kampung ini dihubungkan dengan jalanraya bertar dan dibekalkan kemudahan bekalan air dan elektrik yang memuaskan. Majoriti penduduk di kampung ini mempunyai sekurang-kurangnya satu televisyen set di rumah. Hiburan yang utama bagi penduduk di kampung ini ialah menonton racangan televisyen, tayangan video dan mendengar rancangan hiburan di radio. Selain itu, bila waktu senja, mereka yang tua suka duduk berbual dan berinteraksi dengan jiran-jiran. Pemuda-pemudi pula selalu bermain bola keranjang di gelanggang bola keranjang yang terdapat di sekolah dan kelab belia. Selain itu pusat-pusat permainan komputer yang terdapat di pekan berdekatan juga merupakan tempat kunjungan remaja di kampung ini.

1.6.6 Politik dan Kepimpinan

Pada tahun 1952, sebuah organisasi yang lengkap telah ditubuhkan dalam kampung ini. Sebuah Jawatankuasa Kampung telah dibentuk untuk menyelaras dan melaksanakan rancangan-rancangan yang telah dibuat untuk memajukan kampung ini.

Selalunya ketua dan ahli-ahli dalam Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada orang yang berharta, ada pengaruh dan ada daya usaha untuk memegang jawatan tersebut. Jawatankuasa di kampung ini diketuai oleh ketua kampung dan ahli-ahlinya yang terpilih dengan mempunyai kuasa yang terhad saja dalam kampung ini.

Setiap dua tahun Jawatankuasa Kampung akan mengadakan satu bancian penduduk yang terdapat di kampung ini untuk melihat perubahan bilangan penduduk dan mereka yang layak mengundi terutama menjelangnya pilihanraya. Ia juga bertugas mengumpul pendapat penduduk tentang masalah yang mereka hadapi ataupun apa-apa kekurangan atau ketidakpuashatian yang mereka rasakan terhadap kemajuan dan keadaan di kampung ini. Selain itu Jawatankuasa ini juga bertugas memerhati dan memperbaiki keadaan kemudahan yang terdapat di kampung ini seperti sekolah, sampah-sarap dan jalanraya demi untuk kesenangan dan kesihatan penduduk di kampung ini. Apa-apa rungutan atau ketidakpuasan penduduk akan disampaikan kepada Jawatankuasa ini kemudian Jawatankuasa akan cuba mengambil tindakan memberitahu dan menyeru pada pihak yang berkenaan supaya melakukan sesuatu perubahan terhadap masalah yang dihadapi.

Setelah merdeka, Parti Perikatan merupakan parti berkuasa di kawasan ini. Selain itu terdapat juga parti-parti lain bergiat di kawasan ini seperti Parti Buruh, Parti Gerakan dan Parti DAP. Namun begitu, Parti MCA merupakan parti berkuasa dalam kampung ini. Di samping itu terdapat juga Parti MIC dan UMNO di kawasan ini.

Terdapat sebuah balai khas untuk Parti MCA dan Parti DAP dalam kampung ini. Pertubuhan Belia juga telah ditubuhkan di kampung ini yang mana balai kelab belia yang terdapat merupakan tapak mereka menjalankan mesyuarat dan aktiviti. Pertubuhan Belia ini berusaha dalam membawa kesedaran kepada penduduk di kampung ini tentang kepentingan perpaduan dan kerjasama antara penduduk kampung. Selain itu ia juga mengadakan berbagai seminar, bengkel, ceramah serta khemah latihan untuk belia-belia di kampung ini untuk memupuk minat membaca, semangat kerjasama dan kesedaran politik di kalangan belia ini.

Menurut ketua kampung, walaupun terdapat parti politik di kampung tetapi ramai belia tidak mengambil berat dan berminat tentang politik. Penyertaan belia dalam politik adalah begitu kurang dan kesedaran politik mereka adalah kurang menyenangkan berbanding dengan kesedaran politik yang terdapat pada golongan kaum Melayu dan India yang terdapat di kawasan ini. Kebanyakan mereka yang mengambil berat dan bergiat dalam politik adalah golongan mereka yang lebih tua dan mereka yang telah bersara. Oleh itu, Pertubuhan Belia yang terdapat dalam kampung ini juga berusaha memupuk kesedaran belia terhadap politik. Penyertaan belia dalam politik membolehkan mendapat bakat baru yang berwibawa dan membawa perubahan pada keadaan politik yang terdapat pada masa ini.

Secara keseluruhan, kampung ini telah mengalami perubahan dan pemodenan walaupun tidak pesat. Kemasukan fikiran kebaratan

melalui media elektronik menjadikan penduduk di sini sedikit sebanyak telah terpengaruh dengan budaya fikiran Barat, terutamanya golongan muda. Peningkatan pendidikan dan kesedaran tentang perubahan zaman juga mengubah cara fikiran mereka yang muda, dengan secara tidak langsung juga mempengaruhi pemikiran mereka yang tua, di mana perubahan telah dapat diperhatikan.

Bab 2 Keluarga Dalam Masyarakat Cina di Kampung Baru

Dalam bab yang lepas telah diterangkan secara ringkas tentang latarbelakang kawasan kampung ini dari segi sejarah, demografi, ekonomi, pendidikan, sosial dan politik. Dalam bab ini akan dijelaskan pula serba sedikit tentang prinsip keturunan, konsep keluarga, pola perkahwinan dan kediaman, jenis keluarga dan rumah tangga serta sistem panggilan dalam keluarga.

2.1 Prinsip Keturunan

Masyarakat Cina menjalani kehidupan mereka dalam satu organisasi lineage. Ahli-ahli dalam sesebuah lineage adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai pertalian darah. Setiap keluarga merupakan anggota satu lineage yang berlainan. Saiz lineage boleh jadi besar atau kecil bergantung pada kesuburan hidup dan ekonomi lineage tersebut. Lineage ini mengikut aturan surname atau *xin eksogami* yang mana mereka yang mempunyai surname yang sama tidak boleh berkahwin. Dalam sistem lineage ini keturunan adalah mengikut sebelah bapa atau sebelah lelaki(Maurice Freedman, 1958, hlm.4).

Masyarakat Cina di kampung ini mengamalkan prinsip satu nasab iaitu nasab bapa. Dalam prinsip nasab bapa ini ahli keluarga mengalur keturunan dari keturunan sebelah bapa sahaja iaitu

patrilineal. Ia melibatkan hubungan darah antara anggota dari pihak sebelah lelaki dan hubungan yang "dianggap" sebagai hubungan darah seperti melalui anak angkat yang dimasukkan hubungan nasab bapa. Penduduk di kampung ini menekankan nasab bapa dan anak-anak mengambil surname sebelah bapa mereka.

Dalam prinsip nasab bapa, anak lelaki adalah sangat diberatkan(Hugh Baker, 1968, hlm. 21). Jika sesebuah keluarga itu tidak mempunyai anak lelaki maka dikatakan warisan keluarga itu akan terputus. Ini adalah kerana anak lelakilah yang akan meneruskan zuriat keturunan dalam keluarga mereka(Hugh Baker, 1968, hlm. 21). Dengan itu wujud perhubungan keluarga yang dibuat seperti anak angkat dilakukan dalam keluarga yang tidak mempunyai anak lelaki, untuk memastikan keturunan sebelah lelaki tidak terputus.

Prinsip patrilineal menekankan hubungan keluarga lebih rapat dengan ahli keluarga dari sebelah bapa berbanding dengan hubungan keluarga sebelah ibu. Dalam keluarga, lelaki yang menjadi ketua dan mempunyai autoriti lebih tinggi. Dalam masyarakat Cina selalu ditekankan mesti ada sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarga, jadi di sini jelas lelaki lebih dipentingkan daripada perempuan. Oleh itu, dalam keluarga Cina kelihatan kedudukan perempuan lebih rendah daripada lelaki. Tetapi pada masa ini di Kampung Baru telah berlaku perubahan sedikit pandangan sedemikian dan ibu bapa ramai telah memberi kedudukan lebih samarata antara anak lelaki dan perempuan mereka dalam keluarga.

Dalam nasab ini terdapat satu sifat di mana semua orang Cina yang mempunyai surname yang sama menganggap diri mereka adalah dari nenek moyang yang sama maka dengan sendirinya ia melahirkan satu unit eksogami. Maurice Freedman dalam kajiannya jelas menunjukkan keadaan ini,

"All people bearing one surname were by that fact agnates, for they were considered to be descendants of a common ancestor in the male line. Bearing a common surname, people might not marry" (1958, hlm. 4)

Di kampung ini walaupun tidak mempunyai dewan pemujaan nenek moyang tetapi berdekatan dengan kampung ini terdapat persatuan-persatuan mengikut dailek seperti persatuan Hokkien, persatuan Hai Nam, persatuan Hakka dan lain-lain. Larangan eksogami surname yang sama masih ditekankan oleh masyarakat Cina di sini.

Dalam unit eksogami, mereka yang mempunyai surname yang sama tidak dibenarkan berkahwin. Memandangkan isteri adalah dari lineage atau keturunan keluarga lain maka dalam nasab bapa, seseorang wanita yang telah berkahwin tidak dikira dalam keturunan keluarga suaminya. Dalam tulisan M. Freedman, beliau menjelaskan,

"A married women is never fully incorporated into her husband's lineage, she bears her own surname for life; she became the mother of members of the lineage into which she moves and therefore, in time, an ancestress in it, but her position is as it

were between the lineage of her birth and that of her marriage.(1970, hlm. 18)

Dengan ini jelas keturunan adalah disusurgalurkan dan ditekankan ikut sebelah lelaki saja.

Dari segi kekuasaan, sistem ini meletakkannya dalam tangan orang lelaki, selalunya bapa dalam sesebuah keluarga. Dalam keluarga nuklear, ketua rumah ialah suami dan dalam keluarga stem atau gabungan selalunya datuk yang menjadi ketua dalam keluarga, mereka mempunyai kuasa kuat dalam keluarga. Dalam keadaan yang diperhatikan di kampung ini, bagi keluarga stem atau gabungan yang mana datuk telah meninggal dunia, nenek atau ibu mertua yang mengambil kuasa dalam keluarga bersama-sama dengan anak lelaki sulungnya. Dalam keluarga nuklear pula, kini kekuasaan tidak lagi terletak pada tangan lelaki saja tetapi lebih kepada kedua-dua pihak suami dan isteri. Oleh itu dalam generasi muda kini, perbezaan adalah kurang jelas dan lebih samarata dalam hak dan kuasa dalam kedua-dua jantina dalam mengendalikan keluarga. Ini kerana kedua-dua mereka sama-sama menyumbang pada pendapatan dan ekonomi keluarga.

Untuk pewarisan, dalam sistem ini adalah pada pihak lelaki saja. Dalam masyarakat Cina tradisional, anak perempuan tidak mempunyai hak dalam pembahagian harta keluarga. Harta dibahagikan samarata kepada anak-anak lelaki yang terdapat dalam keluarga. Tetapi kini akibat perkembangan ekonomi dan pendidikan, penduduk di sini tidak lagi berpegang teguh pada fikiran begini. Bagi mereka adalah lebih kurang sama saja antara anak

lelaki dan anak perempuan, oleh itu harta juga dibahagikan kepada anak-anak perempuan.

Secara keseluruhan walaupun prinsip nasab bapa masih diamalkan dan ditekankan oleh penduduk tetapi jelas terdapat perubahan dari segi praktiknya. Anak perempuan kini sama diberatkan dan autoriti serta pewarisan tidak lagi didominasi teguh oleh lelaki saja. Namun begitu, seorang anak lelaki sekurang-kurangnya dalam sebuah keluarga masih ditekankan. Dalam masyarakat ini, selalunya jika sesebuah keluarga itu mendapat anak atau cucu baru, persoalan pertama yang ditanyakan tidak kira oleh ahli keluarga atau jiran ialah "adakah dapat anak lelaki atau perempuan?" Jelaslah walaupun terdapat perubahan, anak lelaki masih lagi yang terpenting dalam meneruskan juriat keturunan keluarga dalam prinsip ini.

2.2 Konsep Keluarga dan Rumahtangga

Keluarga dan rumahtangga mempunyai pengertian yang berbeza. Dalam konsep keluarga, ia merujuk pada orang yang tinggal bersama di dalam sebuah rumah yang dihubungkan sama ada melalui hubungan darah persemendaan atau anak angkat dan mempunyai harta bersama serta perbelanjaan bersama. Olga Lang memberi erti keluarga sebagai,

"A unit consisting of members related to each other by blood, marriage or adoption and having a common budget and common property. Both the

persons staying together and those temporarily absent are included."(1968, hlm. 13)

Untuk rumahtangga pula ia bererti kelompok orang tinggal di sebuah rumah, makan dan minum bersama, ia tidak semestinya dihubungkan dengan hubungan darah. Dalam penjelasan konsep ini, Judith Djamour memberi maksud berikut,

"Hosehold as a group of people who live in the same house and engage in a large number of common activities as well as sharing a common budget....where a few item of housekeeping such as rice are bought separately by some members as long as a large number of other items are bought from a common budget."(1965, hlm. 53)

Di samping itu, Olga Lang mengertikan konsep rumahtangga ini dengan menambah bahawa

"Thus slaves, servants, boarders, even relatives staying temporarily with the family, are members of the household but not of the family."(1968, hlm. 13)

Maurice Freedman pula menjelaskan rumahtngga meliputi sebuah elementary family(ibu bapa dan anak-anak yang belum berkahwin) tetapi kadang-kadang termasuk juga hubungan saudara yang lain atau mereka yang dalam kategori bukan saudara(1970, hlm. 28).

Dari penjelasan di atas maka dapat dikatakan bahawa kelompok rumahtangga tidak semestinya ada perhubungan darah atau perkahwinan atau persamaan hak milik atau satu pusat kuasa

pada seorang saja seperti dalam hal tentang keluarga, walaupun di dalam banyak hal perkara-perkara tadi wujud dalam rumahtangga. Dengan demikian jelas terdapat perbezaan konsep antara keluarga dan rumahtangga.

2.3 Pola Perkahwinan dan Kediaman

Masyarakat Cina mengamalkan prinsip patrilineal mempunyai pola perkahwinan eksogami dan pola kediaman bersifat patrilokal. Di kampung ini dalam perkahwinan eksogami yang bersifat monogami iaitu seorang lelaki hanya boleh mengahwini seorang isteri dari keluarga yang tidak sama surname atau *xin* dengan keluarganya ataupun dari lineage lain. Ini bermakna anak kepada keluarga Chong akan mengahwini anak perempuan dari keluarga lain yang bukan bersurname Chong. Selain itu anak adalah dilarang berkahwin dengan sepupu selari atau sepupu silang kerana mereka mempunyai pertalian kekeluargaan. Oleh itu, pola perkahwinan di sini adalah bersifat mengarah ke keluarga luar dari lineage sendiri walaupun dalam kampung yang sama. Kampung Baru ini terdiri daripada penduduk yang bebagai lineage maka perkahwinan dalam kampung sama adalah biasa.

Mengikut responden utama, pada masa dulu pilihan jodoh kebanyakannya dibuat oleh ibu bapa dalam sesebuah keluarga. Pilihan jodoh dibuat oleh anak sendiri amat kurang berlaku. Pilihan jodoh yang dibuat oleh ibu bapa, biasanya pihak lelaki tidak pernah berjumpa dengan pihak perempuan dan mereka langsung tidak

mengenali antara satu sama lain. Setelah selesai semua pilihan barulah ibu bapa beritahu kepada anaknya dan anak hanya ikut turut saja perintah orang tuanya. Namun pada masa kini, pilihan jodoh adalah bebas dan dibuat oleh anak sendiri. Ibu bapa hanya mengatur dan menguruskan perkahwinan anaknya. Keadaan demikian sama seperti yang pernah dicatatkan oleh Ray Nyce,

"Marriage arrange according to the preference of son or daughter. The parents should arrange the match.if he or she has a preference for a particular girl or boy, parents will just arrange things to suit that preference."(1973, hlm. 34)

Jelas kelihatan perubahan di mana kini pilihan jodoh dibuat oleh anak sendiri berbanding dengan dulu yang dibuat oleh ibu bapa.

Pola petempatan patrilokal biasa diamalkan iaitu bila seseorang anak berkahwin, isterinya akan dibawa tinggal bersama-sama di rumah sebelah suaminya iaitu rumah mertuanya. Di samping itu, di kampung ini terdapat juga kediaman bebentuk neolokal iaitu bila mana seseorang itu telah berkahwin, isteri bersama-sama suami membentuk keluarga sendiri dan rumah sendiri. Bila pasangan suami isteri tidak ingin atau sesuai tinggal dalam keluarga besar bersama-sama dengan mertua dan ahli-ahli keluarga lain yang ramai maka mereka akan mendirikan keluarga sendiri.

Di kampung ini, kebanyakan mereka yang baru berkahwin membentuk kediaman neolokal di kawasan perumahan berdekatan

dengan kampung ini ataupun di tempat lain. Ada juga yang membentuk kediaman neolokal dalam kampung tetapi bilangannya adalah terhad kerana tanah biasa adalah dimiliki oleh ahli-ahli satu keluarga besar dan bukan oleh individu.

Untuk kediaman matrilokal iaitu bila seseorang itu berkahwin, si suami pindah dan tinggal dengan keluarga isterinya, yang sebenarnya jarang berlaku di sini. Ini kerana penduduk di sini tekankan kediaman patrilokal. Bagi orang Cina jika seseorang suami tinggal dengan keluarga si isteri adalah dipandang rendah dan dikatakan suami itu tidak berkemampuan. Oleh itu, jika berlaku, hanya si isteri yang masih tinggal dengan keluarganya dan si suami bekerja di tempat lain dan balik sekali-sekala saja.

Dalam kampung ini terdapat beberapa contoh di mana suami bekerja di tempat lain, si isteri dan anak-anaknya tinggal bersama-sama dengan keluarga si isteri. Di sini kediaman bukan berbentuk matrilokal tetapi lebih pada tumpangan anak perempuan yang telah berkahwin di rumah ibunya.

2.4 Jenis Keluarga dan Rumahtangga

Dalam bab ini telah diterangkan konsep keluarga dan rumahtangga. Keluarga terdiri daripada mereka yang mempunyai hubungan darah manakala rumahtangga termasuk mereka yang tidak mempunyai hubungan darah yang tinggal di bawah satu

bumbung. Bagi mereka yang bekerja di tempat lain dan balik sekali-sekala juga dianggap sebagai ahli keluarga. Terdapat tiga jenis keluarga yang biasa dalam masyarakat Cina dulu iaitu keluarga nuklear, keluarga stem dan keluarga gabungan.

Tiap-tiap orang akan tinggal di sebuah rumah yang tetap bagi menjalani hidupnya. Apabila dia berkahwin maka dia dikatakan mendirikan rumahtangga. Keluarga nuklear terdiri daripada pasangan suami isteri tanpa anak yang baru membentuk rumahtangga atau dengan anak-anak yang masih kecil atau sudah dewasa tetapi belum kahwin atau berumahtangga(M.F. Nimkoff, 1965, hlm. 14).

Keluarga stem melibatkan satu keluarga nuklear tua dan seorang anak yang sudah beristeri dan beranak. Ada dua pasangan suami isteri dalam rumah dalam keluarga stem, selalunya satu daripada pasangan itu sudah tua dan telah menyerahkan kuasa dan usaha mencari rezeki kepada anak dan menantunya(M.F. Nimkoff, 1965, hlm. 19). Disebabkan selalunya umur perempuan lebih panjang daripada lelaki maka kebanyakannya keluarga stem di kampung ini lebih berupa "broken stem family" di mana bermaksud hanya seorang tua yang tinggal selalunya ibu dengan anak-anak dan cucunya.

Keluarga gabungan pula merupakan keluarga besar yang mengandungi sepasang suami isteri tua dan anak-anak mereka yang belum berkahwin, telah berkahwin dan anak-anak mereka(H.D.

Lakshminarayana, 1968, hlm. 4). Keluarga gabungan ini merupakan keluarga ideal masyarakat Cina di mana terdapat lebih daripada tiga generasi dalam keluarga.

Di kampung ini 80% masih merupakan keluarga stem yang mana majoriti merupakan "incomplete household" iaitu ketidakhadiran suami dalam sesebuah rumah tangga. Ini kerana ramai lelaki yang sudah berkahwin bekerja di tempat lain dan meninggalkan anak dan isteri tinggal dengan ibunya. Selebihnya merupakan keluarga nuklear dan beberapa keluarga gabungan. Pada mula-mula kampung ini kebanyakan keluarga gabungan didapati. Tetapi disebabkan kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup, kini ramai yang baru kahwin tidak beranak ramai dan lebih suka dirikan rumah tangga sendiri di tempat lain atau tempat di mana mereka bekerja.

Bagi keluarga nuklear yang terdapat di kampung ini merupakan perpecahan keluarga gabungan pada masa dulu. Bila ibu bapa telah meninggal dunia, adik-beradik membahagikan harta yang ada dan berlaku perpecahan keluarga. Selain itu mereka yang muda keluar bekerja di tempat lain dan menetap di sana maka akhirnya keluarga besar berpecah menjadi keluarga nuklear semula. Dengan ini jelaslah bentuk keluarga adalah sentiasa berubah dan dengan kemajuan pendidikan dan perindustrian peluang pekerjaan bertambah, keluarga nuklear menjadi begitu meluas tetapi ramai yang membentuk keluarga nuklear di taman-taman perumahan yang berdekatan dengan kampung ini. Oleh itu kelihatan banyak lagi

keluarga yang ada di kampung ini adalah berbentuk keluarga stem yang mana didiami oleh kebanyakan orang tua dan cucu mereka yang masih kecil dan anak yang masih belum kahwin.

Keluarga stem penting disebabkan kini susah untuk mencari orang gaji maka dengan cara tinggal bersama-sama dengan mertua, mereka dapat tolol jaga anak-anak kecil sementara menantu mereka bekerja. Jadi ini akan menjimatkan belanja dan pada masa sama dapat menjadikan suasana keluarga lebih pada suasana keluarga besar yang selalu diidam-idamkan oleh mereka yang tua. Tetapi bagi golongan muda, keluarga besar adalah sesak dan selalu tidak senang hubungannya maka keluarga stem lebih digemari.

Bila ada lebih dua pasangan pemuda telah berkahwin tinggal bersama-sama dalam sebuah rumah, didapati tidak lama kemudian salah satu pasangan atau kedua-duanya akan berpindah keluar dan bentuk keluarga sendiri dan tidak ingin hidup dalam keluarga besar. Ini adalah kerana ahli dalam keluarga besar adalah ramai dan selalunya timbul banyak masalah dalam perhubungan antara ahli-ahli yang boleh menyebabkan perselisihan faham dan pergeseran terutama apabila mereka tekah mempunyai anak. Dalam setengah-setengah keadaan, isteri tidak mahu tunduk pada orang semenda terutama jika dia bekerja dan ada kedudukan ekonomi kuat, akan mendesak suami berpindah membentuk keluarga sendiri. Ini juga satu punca perpecahan keluarga besar atau stem.

Secara keseluruhan, keluarga stem atau rumahtangga kecil adalah lebih banyak didapati dan digemari oleh generasi muda kini.

Ini adalah kerana ahli-ahli dalam keluarga stem atau nuklear adalah tidak ramai dan corak perhubungan antara mereka adalah lebih mudah dan rapat. Keluargastem atau nuklear boleh mengelakkan berlaku peristiwa-peristiwa pergaduhan dan perselisihan yang tidak menggembirakan seperti yang selalu berlaku dalam keluarga besar. Memandangkan keluarga besar adalah susah dibentuk pada masa kini dan selalu mendatangkan banyak masalah maka golongan tua juga turut berubah fikiran dan menerima keluarga stem sebagai keluarga yang lebih baik dan ideal.

2.5 Sistem peristilahan

Dalam keluarga Cina, sistem peristilahan dalam keluarga adalah tekankan pada sebelah bapa. Untuk keluarga ibu dan keluarga bapa panggilan untuk ahli-ahli keluarga adalah agak berbeza. Untuk ahli sebelah keluarga bapa, panggilan menunjukkan yang mereka mempunyai perhubungan sangat rapat dan dalam unit eksogami serta perkahwinan antara mereka seperti sepupu selari adalah tidak dibenarkan. Panggilan mereka menunjukkan mereka ada hubungan darah yang lebih rapat berbanding dengan ahli keluarga sebelah ibu.

Bagi orang Cina panggilan untuk emak dan bapa saudara sebelah bapa adalah lebih mesra iaitu *gu.gu* atau *shu.shu* manakala untuk datuk dan nenek pula ialah *gong.gong* dan *po.po*. Bagi abang kepada bapa atau bapa saudara yang lebih tua dari bapa panggilan *pe.pe* digunakan dan ia adalah berbeza dengan panggilan kepada

adik bapa iaitu *shu.shu*. Panggilan berbeza ini menunjukkan status berlainan bapa saudara dalam keluarga bapa. Untuk adik-beradik sepupu selari panggilan *tang.ge* atau *tang.jie* digunakan yang mana *tang* menunjukkan mereka adalah sepupu yang berdarah dekat.

Bagi ahli keluarga ibu, panggilan menunjukkan mereka dari keluarga lain, hubungan darah tidak begitu dekat; oleh itu perkahwinan dengan ahli keluarga sebelah ibu adalah mungkin seperti sepupu silang tetapi amat tidak digalakkan dalam masyarakat di kampung ini. Panggilan untuk datuk dan nenek sebelah ibu menunjukkan pertalian berbanding dengan keluarga bapa adalah tidak begitu rapat. Perkataan *wai* yang bermaksud luar digunakan dalam memanggil datuk dan nenek sebelah ibu. Ini menunjukkan mereka adalah dari lineage lain yang mana mempunyai perhubungan dengan keluarga bapa melalui perkahwinan. Panggilan untuk emak dan bapa saudara, sepupu silang menunjukkan hubungan mereka dengan keluarga bapa tidak begitu dekat. Jadual 4 dan jadual 5 menunjukkan peristilahan berlainan bagi pihak keluarga bapa dan pihak keluarga ibu.

Jadual 4 Peristilahan Bagi Ahli Keluarga Sebelah Bapa

Sebutan	Istilah	Panggilan
Datuk	<i>gong.gong</i>	<i>gong.gong</i>
Nenek	<i>po.po</i>	<i>po.po</i>
Emak	<i>ma.ma</i>	<i>ma.ma</i>
Bapa	<i>ba.ba</i>	<i>ba.ba</i>
Emak saudara	<i>gu.gu</i>	<i>gu.gu</i>
Bapa saudara muda	<i>shu.shu</i>	<i>shu.shu</i>
Bapa saudara tua	<i>pe.pe</i>	<i>pe.pe</i>
Sepupu selari	<i>tang.ge/jie</i>	nama
Anak	<i>er.nu</i>	nama
Anak buah	<i>zhi.zi</i>	nama

Jadual 5 Peristilahan Ahli Keluarga Bagi Pihak Ibu


Sebutan	Istilah	Panggilan
Datuk	<i>wai.gong</i>	<i>wai.gong</i>
Nenek	<i>wai.po</i>	<i>wai.po</i>
Emak	<i>ma.ma</i>	<i>ma.ma</i>
Bapa	<i>ba.ba</i>	<i>ba.ba</i>
Emak saudara	<i>yu.yu</i>	<i>yu.yu/yu.mu</i>
Bapa saudara	<i>jiu.jiu</i>	<i>jiu.jiu/jiu.fu</i>
Sepupu silang	<i>biao.ge/jie</i>	nama
Anak	<i>er.nu</i>	nama
Anak buah	<i>wai.sheng</i>	nama

Rajah 2 menunjukkan hubungan dua buah keluarga Chong dan Tee melalui perkahwinan dan panggilan-panggilan dalam kedua-dua buah keluarga mengikut adat orang Cina. Tidak kira dalam mana-mana masyarakat adalah ditekankan orang muda semestinya

menghormati mereka yang lebih tua. Dalam masyarakat Cina di kampung ini masih ditekankan panggilan-panggilan ini. Panggilan ini menunjukkan dan memperkenalkan status seseorang ahli dalam sesebuah keluarga.

Jika seorang anak muda bertemu mereka yang lebih tua dan bukan dari keluarga sendiri biasanya memanggil orang tersebut *bo.fu* atau *bo.mu* jika dia seorang wanita. *Jie.jie* atau *ge.ge* disebutkan bila orang yang mereka temui adalah masih muda tetapi lebih tua daripada mereka. Ini sebagai tanda menghormati mereka yang tua dan berpengalaman hidup luas. Namun demikian pada masa kini untuk generasi lebih muda memanggil nama terus terhadap mereka yang masih muda tetapi lebih tua daripada mereka terutama terhadap orang yang mereka kenali.

Rajah II: Sistem Peristilahan Dalam Keluarga Cina



Bab 3 Hubungan Dalam Keluarga

Bab ini akan menerangkan tentang hubungan-hubungan yang terdapat dalam keluarga iaitu hubungan antara suami isteri, ibu bapa dan anak, adik-beradik, hubungan mertua dan menantu serta hubungan cucu dengan datuk atau nenek. Dalam sesebuah keluarga, hubungan antara ahli-ahli adalah penting kerana ia boleh mempengaruhi keamanan dan keharmonian sesebuah keluarga. Oleh itu di sini diterangkan serba sedikit tentang hubungan dalam keluarga di Kampung Baru.

3.1 Hubungan suami isteri

Hubungan suami isteri adalah bersifat kontrak di mana melalui satu persetujuan antara kedua-dua pihak bahawa pihak lelaki yang akan menyerahkan dan pihak isteri yang akan menerima perlindungan dan penyaraan hidup yang diberi oleh si suami. Kedua-dua pihak bersetuju menjalani jangka hayat selebihnya bersama-sama dan memikul tanggungjawab keluarga bersama-sama. Hubungan suami isteri merupakan hubungan yang diterima oleh masyarakat dalam suatu upacara yang menurut adat-istiadat tertentu iaitu melalui perkahwinan. Perkahwinan mengesahkan hubungan suami isteri di sisi masyarakat dan membenarkan kedua-duanya tinggal dalam sebuah rumah tangga bersama-sama serta menjalani kehidupan sehari-hari bersama. Kedua-dua suami isteri

mempunyai tanggungjawab bersama untuk mengendalikan serta menguruskan rumahtangga.

Dalam rumahtangga, biasanya peranan rumahtangga dan tugas mencari nafkah, mengurus rumahtangga dan anak-anak dijalankan lazimnya ikut jantina. Pada masa dulu dalam masyarakat Cina, terdapat pembahagian peranan dan kerja yang jelas dan ketat antara lelaki dan perempuan iaitu suami dan isteri dalam rumahtangga. Biasanya suami mencari nafkah iaitu kata orang Cina *nan chu wai* yang bermaksud lelaki memberatkan perkembangan luar dari rumahtangga. Suami yang patut bekerja menyara hidup isteri dan anak. Suami mesti bekerja kuat dan menjadi satu perkara yang membanggakan dan patut dalam sesebuah keluarga, isteri tidak keluar bekerja. Suami yang sepatutnya menanggung dan menyara keluarga. Tetapi apa yang sebenarnya ialah ramai juga isteri yang bersama-sama bekerja di ladang atau sawah yang ada. Ini adalah untuk menambahkan pendapatan keluarga dan pada masa yang sama boleh mengurangkan kemungkinan mengaji orang lain untuk mengerjakan ladang yang ada.

Dalam aspek mengurus rumahtangga, suami isteri mempunyai pembahagian tugas yang jelas. Suami mengendalikan segala pembelian barang kegunaan keluarga dan hadiah atau hantaran kepada saudara mara semasa hari-hari perayaan atau upacara-uapacara tertentu. Si isteri menguruskan hal-hal keluarga seperti mengemas, memasak mencuci dan menjaga anak. Kata pepatah Cina " si isteri sepatutnya mengikut kata-kata suami dan mesti

menghormati keputusan serta kata-kata suaminya". Kedudukan isteri ialah di rumah dan dia tidak cergas dalam hal-hal luar rumah tangga. Disebabkan si isteri cergas dalam keluarga dan si suami cergas dalam hal luar keluarga maka didapati hubungan ibu biasanya adalah sangat rapat dengan anak-anaknya.

Namun begitu, mengikut isteri-isteri yang ditemuramah, dalam keadaan sebenarnya perbezaan peranan ini tidak benar-benar seperti ini. Ramai isteri keluar bekerja di samping suami mereka ataupun bekerja lain dari suami mereka. Bagi mereka yang ada perniagaan sendiri seperti perniagaan runcit, isteri menolong suami di samping menguruskan rumah tangga. Ada juga yang menoreh getah dan menjual makanan. Selain itu mereka yang bekerja di luar biasanya sebagai pekerja kilang di kilang-kilang menjahit. Mengikut isteri-isteri, perempuan perlu bekerja atau cari wang sebagai menambah pendapatan suami dan bersama-sama menanggung anak. Di samping itu, isteri akan berasa selamat dan tenang jika mempunyai sedikit wang dalam simpanan mereka sendiri.

Hubungan suami isteri dalam keluarga stem atau luas selalunya bersifat formal iaitu mengikut norma-norma masyarakat. Mereka tidak menunjukkan kasih sayang yang nyata. Ini adalah untuk mengurangkan cemburu ahli keluarga yang lain. Jika suami menunjukkan kasih sayang terhadap isteri, dikhuatiri ibunya akan berasa anaknya tidak sayang lagi pada ibu bapa dan sudah mengikut kata-kata isterinya. Ini mungkin menimbulkan perasaan cemburu ibu terhadap menantu perempuan dan akan mengakibatkan

hubungan persengketaan antara mereka. Oleh itu, mereka akan mengelak menunjukkan kelakuan-kelakuan mesra di depan ahli-ahli keluarga. Namun demikian, pada masa kini hubungan suami isteri dalam lingkungan keluarga adalah lebih bebas dan mudah. Tetapi bila ada kehadiran orang-orang luar, jarak dan corak hubungan mereka menjadi lebih formal dan ketat. Isteri dibenarkan berbual dengan orang luar yang datang ke rumah mereka dan ini adalah berbeza dengan masa dulu yang mana isteri adalah tidak dibenarkan masuk campur berbual dan duduk bersama.

Pasangan suami isteri secara tradisi jarang-jarang keluar atau bersiar-siar bersama-sama. Dari temuramah tidak formal, didapati bagi pasangan suami isteri yang baru berkahwin masih ada ketikanya mereka keluar bersama-sama membeli-belah atau bersiar-siar sekali dalam seminggu. Tetapi setelah mendapat anak, perbuatan ini jarang berlaku di mana isteri lebih banyak menghabiskan masa menjaga anak dan suami yang pergi membeli-belah tanpa ditemani oleh isteri dan sebaliknya. Namun demikian, masih terdapat kesempatan pasangan suami isteri keluar bersama seperti membawa anak ke taman rekreasi atau melawat saudara-mara atau menghadiri jamuan tertentu seperti perkahwinan, harijadi dan lain-lain, walaupun ia mungkin berlaku hanya sekali dalam sebulan.

Pada masa dulu suami yang berkuasa kuat dalam keluarga dan keputusan keluarga banyak dibuat oleh suami. Tetapi kini dari keputusan temuramah dan pemerhatian, didapati isteri mempunyai

kebebasan lebih dalam keluarga berbanding dengan dulu. Isteri kini mempunyai kedudukan kebebasan lebih kurang sama dengan suami, mereka boleh memberi pendapat tentang hal-hal dalam keluarga seperti apa yang hendak dibeli atau ditambah, hal-hal tentang pendidikan anak dan cara menyimpan dan membelanjakan pendapatan keluarga. Ini terutama bagi isteri-isteri yang bekerja dan bersama-sama menyumbang pendapatan kepada kegunaan keluarga.

Secara am boleh dikatakan dalam keluarga cukup jika suami bekerja kuat beri makan, minum dan isteri jaga makan minum dan pakaian serta rumahtangga. Isteri sebagai pengurus rumahtangga dan suami sebagai ketua rumah, bersama-sama membentuk keluarga bahagia dan harmoni.

3.2 Hubungan Ibu Bapa dan Anak

Hubungan ibu bapa dan anak merupakan hubungan kedua utama dalam keluarga terutamanya dalam keluarga nuklear. Hubungan agak berbeza antara ibu dan anak dengan bapa dan anak. Selalunya dalam keluarga hubungan antara ibu dengan anak adalah lebih rapat daripada bapa dengan anak-anaknya.

Dalam keluarga Cina, ibu merupakan simbol penyayang yang dikenali sebagai *ci mu*. Ibu merupakan tempat anak-anak meluahkan perasaan mereka dan mendapat perhatian lebih.

Hubungan ibu dengan anak lebih mesra dan bebas berbanding dengan hubungan bapa dengan anak yang mana lebih bersifat formal. Bapa merupakan simbol tegas dan kuasa dalam keluarga dan dikenali sebagai *yan fu*. Ini ada kaitan dengan norma masyarakat yang meletakkan pihak lelaki sebagai orang yang berwibawa dalam keluarga maka si bapa adalah lebih disegani dan ditakuti oleh anak-anak berbanding dengan ibu.

Di samping itu, ibu lebih rapat dengan anak kerana ibu lebih kerap di rumah dan lebih memanjakan anak berbanding dengan bapa. Disebabkan bapa selalu bekerja kuat untuk menanggung keluarga maka masa yang dihabiskan bersama-sama dengan keluarga dan anak adalah kurang. Oleh itu, selalu didapati terdapat satu jurang perhubungan antara bapa dan anak dalam keluarga Cina dulu. Ini kerana anak-anak telah diajar supaya menghormati bapa dan tidak berbual dan berinteraksi kerap serta mesra dengan bapa jika dibandingkan dengan ibu.

Selalunya anak lelaki lebih banyak berinteraksi dan berkomunikasi dengan bapa berbanding dengan anak perempuan dengan bapa. Ini berlaku kerana pengaruh adat lama yang mana perempuan mempunyai kedudukan lebih rendah dalam keluarga dan mereka lebih berinteraksi dengan ibu yang mengajar mereka hal-hal yang patut seorang anak perempuan lakukan. Anak-anak dikehendaki tidak duduk di sebelah atau berdekatan dengan bapa mereka bila ada orang luar datang ke rumah mereka. Mereka tidak

boleh memerhatikan geraklaku bapa mereka sebagai tanda hormat kepada bapa dan hal-hal berkenaan dengan orang dewasa.

Mengikut teori tradisional dalam ajaran Confucius, sikap hormat dan turut arahan yang dipunyai oleh anak-anak tidak lenyap dengan peningkatan umur mereka(Maurice Freedman, 1970, hlm. 59). Walaupun telah dewasa, anak masih di bawah kawalan ibu bapa mereka yang masih hidup dan pengaruh kuasa ibu bapa atas anak adalah begitu kuat pada masa dulu. Bagi anak dewasa, hubungan mereka dengan ibu bapa biasanya lebih mudah dan anak lelaki adalah lebih mudah berhubung dengan bapa berbanding dengan anak perempuan.

Hubungan yang agak baik antara bapa dan anak di mana bapa memberi kebebasan pada anak yang telah dewasa untuk membuat keputusan sendiri khasnya kepada anak lelaki. Anak perempuan masih kurang diberi kebebasan dan ada pula keluarga yang menjadi lebih tegas terhadap anak perempuan yang semakin meningkat dewasa pada masa dulu. Ini adalah kerana dikhuatiri anak perempuan akan melakukan perbuatan yang memalukan keluarga pada zaman yang serba tegas norma-norma masyarakatnya. Tetapi apa yang dilihat, keadaan telah berubah setelah perubahan berlaku pada ekonomi dan masyarakat sekarang. Bila anak-anak telah meninggalkan keluarga dan keluar bekerja di tempat lain, sikap untuk menjaga disiplin diri supaya menghormati orang tua mereka mungkin atau sedikit demi sedikit telah dihakis oleh pengaruh luar.

Bila bekerja, anak mempunyai hubungan tidak begitu rapat dengan ibu bapa lagi kerana jarang berada di rumah. Hubungan mereka dengan ibu bapa lebih bersifat formal. Oleh sebab anak perempuan juga ramai telah keluar bekerja maka kekuasaan dan kongkongan ibu bapa terhadap mereka tidak lagi sekutu dulu. Kini anak lelaki dan anak perempuan tidak lagi membuat pekerjaan sama seperti pekerjaan ibu bapa mereka seperti dulu maka pergantungan ekonomi anak pada ibu bapa menjadi kurang. Dengan itu, faktor-faktor yang pada suatu masa dulu meletakkan kuasa yang besar di tangan ibu bapa terhadap anak kini telah menjadi lemah berbanding dengan dulu.

Dulu anak biasanya mewarisi pekerjaan bapa atau mempelajari sesuatu kemahiran dari ibu bapa. Tetapi sekarang peluang pekerjaan yang banyak dan pelbagai akibat kemajuan teknologi dan industri, pembangunan bandar-bandar baru yang pesat dan institusi-institusi kemahiran yang cekap mengurangkan dan melenyapkan peranan ibu bapa dalam aspek mengajarkan kemahiran dan seterusnya kuasa mereka terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa kini cuba mengajar kepada anak-anak mereka semua yang dianggap perlu oleh masyarakat dengan cuba mensosialisasikan mereka supaya hidup menurut norma dan nilai masyarakat.

Kini disebabkan pengaruh pemikiran barat dan media massa serta pendidikan, ada ibu bapa terutama generasi muda mempunyai perhubungan lebih mudah dan mesra dengan anak-anak mereka.

Ibu bapa selalu berinteraksi dengan anak dan bersedia serta memberi peluang kepada anak meluahkan perasaan dan pendapat mereka. Jurang perhubungan antara anak dan ibu bapa telah mula dapat dirapatkan. Namun demikian , didapati di Kampung Baru ada ibu bapa masih kurang memberi perhatian kepada anak dari segi pendidikan. Mereka kebanyakannya sibuk bekerja dan mencari wang, cuba mengubah kehidupan kepada lebih baik untuk anak mereka. Ini menjadikan kurang pupukan minat belajar dan membaca di kalangan anak-anak mereka.

Di kampung ini terdapat ramai remaja telah berhenti persekolahan pada peringkat menengah rendah lagi dan keluar menceburkan diri dalam bidang pekerjaan terutama di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan Singapura. Ada juga yang sengaja tidak mahu bersekolah atau bekerja, tinggal menjadi kutu hantu dalam kampung. Kekurangan masa mendidik anak dan kurang kawalan melahirkan pemuda kurang berdisiplin, menimbulkan masalah pada penduduk di sini.

Dalam keluarga Cina hirarki dalam keluarga adalah mengikut generasi, umur dan jantina. Generasi tua adalah lebih berkuasa dari generasi muda, oleh itu ibu bapa hendaklah dihormati oleh anak-anaknya. Dalam generasi yang sama, mereka yang tua lebih dihormati daripada mereka yang muda seperti sesama adik-beradik, abang atau kakak adalah lebih dihormati dan lelaki biasa adalah lebih berkuasa dari perempuan. Ibu bapa harapkan anak-anak akan menghormati(*li*) dan *xiao* terhadap mereka iaitu menyara dan

menjaga mereka bila mereka telah tua atau jatuh sakit. Obligasi anak terhadap orang tua mereka adalah ditekankan lebih daripada obligasi ibu bapa terhadap anak dalam keluarga Cina terutamanya pada masa dulu.

Masa kini, ibu bapa akan cuba memberi kehidupan senang kepada anak dan tidak lagi berharap sangat anak-anak akan menyara mereka bila mereka tua. Dari temuramah dengan beberapa orang ibu bapa, didapati mereka telah berpandangan lebih terbuka di mana sama ada anak akan menyara mereka atau tidak bergantung pada anak sendiri. Jika mereka masih sayang dan mengingati budi ibu bapa membesarkan mereka, akan mereka menyara ibu bapa yang sudah tua.

Selalu diperhatikan ialah ibu bapa lebih memberatkan obligasi mereka untuk membesarkan anak, beri mereka pendidikan tetapi bila anak-anak telah besar atau dewasa mereka membiarkan anak sendiri yang putuskan apa yang ingin mereka lakukan sama ada bekerja atau teruskan pelajaran mereka. Didapati perhubungan antara ibu bapa dan anak adalah lebih liberal jika dibandingkan dengan dulu. Anak boleh membuat keputusan mengenai kepentingan sendiri meskipun keputusan itu mungkin tidak selaras dengan pandangan ibu-bapanya. Dari sini, kelihatan perubahan perhubungan yang seterusnya mengubah corak interaksi dan sikap anak terhadap ibu bapa kini.

3.3 Hubungan Adik-beradik

Dalam keluarga Cina, hubungan di antara adik-beradik dapat dilihat bahawa hubungan di antara adik-beradik lelaki adalah lebih kuat sesama mereka daripada dengan adik-beradik perempuan mereka. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh sosialisasi keluarga yang mana lelaki lebih dipentingkan. Lelaki adalah dianggap lebih kuat daripada adik perempuan mereka yang mana adalah dianggap lebih lemah. Selalu dilihat adik atau abang lelaki akan cuba mempertahankan dan melindungi adik perempuan mereka daripada dikacau atau dibuli oleh orang lain. Pemahaman mereka bahawa perempuan itu adalah lebih lemah, memerlukan perlindungan menyebabkan mereka lebih bersatu dengan hasrat menunjukkan kekuatan mereka dalam melindungi adik mereka yang lemah.

Semasa kecil dapat dilihat mereka yang menjadi abang atau kakak akan menunjukkan sikap sayang dan melindungi adik-adik mereka yang lebih kecil. Bila adik-adik mereka meningkat besar, mereka dibenarkan masuk dan bermain bersama dengan abang dan kakak mereka dalam sesuatu permainan(Nyce, 1973, hlm. 56). Dapat dilihat perhubungan yang mesra di antara adik-beradik walaupun kadang-kadang terdapat pertelingkahan atau perselisihan kecil antara mereka. Bila meningkat dewasa keadaan perhubungan dapat dilihat masih baik dan mesra.

Keluarga Cina yang pentingkan anak lelaki menyebabkan mereka yang lelaki terutamanya abang lelaki mempunyai status dan

kuasa yang lebih di antara adik-beradiknya. Dalam keluarga tradisional, autoriti adik-beradik adalah mengikut umur di mana anak lelaki yang tua sekali atau sulung memegang kuasa lebih besar di kalangan adik-beradiknya. Abang lelaki bukan saja mempunyai kedudukan selepas bapa mereka, tetapi juga telah melalui pengalaman hidup lebih daripada adik-beradiknya maka dia yang memegang tanggungjawab menunjukajar adik-adiknya(Meyer Barash, 1970, hlm. 78). Ini bersamaan dengan konsep *dulu makan garam* dalam masyarakat Cina yang bermaksud lebih berpengalaman dalam menghadapi hidup daripada adik-adiknya.

Dalam keluarga, mereka yang lebih tua iaitu abang atau kakak adalah lebih dihormati oleh adik-adiknya. Adik-adik tunduk dan turut pada perintah bukan saja ibu bapa mereka tetapi juga abang atau kakaknya yang lebih tua. Untuk adik-beradik yang mempunyai perbezaan umur yang kecil, perhubungan antara mereka adalah lebih mesra dan erat. Ini adalah kerana mereka dibesarkan dalam keadaan persekitaran yang lebih kurang sama berbanding dengan abang atau kakaknya yang lebih tua dan besar perbezaan umur mereka. Bagi adik-beradik yang mempunyai perbezaan umur yang besar, sikap hormat dan akur pada perintah adalah dijangkakan oleh kakak atau abang daripada adik-adiknya. Namun begitu, didapati jika kakak yang lebih tua antara adik-beradik, perhubungan antara mereka adalah lebih mesra dibandingkan dengan abang yang lebih tua dalam keluarga. Ini mungkin disebabkan sikap penyayang lebih pada kakak dan abang pula lebih pada aspek kuasa dan autoriti, oleh itu menjangkakan sikap hormat dari adik-adiknya.

Dari hubungan adik-beradik ini, secara tradisional, dapat dilihat bahawa abang lelaki mempunyai kuasa lebih atas adik-adiknya walaupun mereka telah dewasa. Dulu jika dalam sesebuah keluarga ibu bapa telah meninggal dunia, abang yang akan membuat segala keputusan untuk masa hadapan adik-adiknya termasuk hal perkahwinan adiknya. Dalam pepatah Cina ada dikata *zhang zi wei fu* yang bermakna "jika bapa tiada lagi dalam keluarga, anak lelaki sulung yang akan menggantikan tempat bapanya". Ibu kadang-kadang juga berada di bawah kekuasaan anak lelakinya.

Kekuasaan abang atas adik perempuannya dikatakan tamat secara teori bila adiknya telah berkahwin dan kini kekuasaan adalah di tangan suami adiknya. Namun demikian, abang sebenarnya masih ada tanggungjawab dan kuasa melindungi Adiknya daripada dianiyai oleh suaminya(Meyer Barash, 1970, hlm. 80). Kekuasaan kakak ke atas adik-adiknya adalah tidak begitu kuat berbanding dengan abang. Kuasa kakak ke atas adik semakin kurang bila adik lelakinya meningkat dewasa(Maurice Freedman, 1970, hlm. 60). Bila kakak telah berkahwin, dia tidak lagi berkuasa atas adik-adiknya seperti sebelum berkahwin, ini kerana dia telah menjadi ahli kepada keluarga lain.

Hubungan adik-beradik menjadi semakin longgar dan kurang mesra selepas adik-beradik telah berkahwin. Setelah berkahwin masing-masing tidak suka hidup di bawah satu bumbung yang sama(Maurice Freedman, 1970, hlm. 60). Selagi mereka masih

merupakan ahli kepada rumahtangga yang sama, perhubungan mereka adalah dikaitkan dengan umur antara mereka. Adik-adik yang mempunyai beza umur yang hampir biasanya mempunyai kegemaran yang lebih dekat, kawan-kawan yang mungkin sama dan menghabiskan masa lapang bersama.

Untuk mereka yang beza antara umur agak besar, biasanya lebih susah berhubung dan yang tua selalu bertindak dan menjangkakan yang muda akan menunjukkan sikap berbeza terhadap mereka berbanding dengan terhadap adik-beradik yang lain seperti menurut perintah, hormat dan berkelakuan baik. Bila yang tua berkahwin, adik-adik yang lain masih kecil, banyak kerja rumah yang perlu dilakukan dan tanggungjawabnya terhadap adik-adik ini adalah berat dan besar. Oleh itu selalunya abang yang telah berkahwin akan terus tinggal dalam rumahtangga yang sama dengan adik-adiknya.

Bagi mereka yang muda, bila dewasa dan telah berkahwin biasanya pindah keluar atau tempat mereka bekerja. Ini adalah untuk kemudahan mereka pergi bekerja dan mengelakkan dari kemungkinan berlaku konflik antara isteri-isteri mereka jika tinggal bersama-sama di bawah satu bumbung. Walaupun perhubungan tidak seerat masa kecil tetapi ia masih dijaga supaya tidak retak. Masyarakat Cina tradisi memang memberatkan perhubungan antara ahli-ahli dalam keluarga, begitu juga dengan perhubungan antara adik-beradik terutamanya adik-beradik lelaki.

Dalam masyarakat Cina di Kampung Baru, dapat diperhatikan perhubungan antara adik-beradik adalah baik walaupun setelah mereka berkahwin atau tidak tinggal di bawah satu bumbung yang sama. Adik-beradik yang masih kecil bermain bersama dan saling melindungi satu sama lain bila berlaku sesuatu perselisihan faham semasa bermain dengan kanak-kanak lain. Dari temuramah, majoriti responden mempunyai hubungan adik-beradik yang agak baik walaupun mereka telah berkahwin sama ada tinggal di rumah yang sama ataupun berlainan.

Pada masa ini, adik-beradik mempunyai kedudukan yang samarata tidak kira jantina mereka dalam keluarga. Abang atau kakak mempunyai perhubungan agak rapat dengan adik-adik mereka. Mereka yang lebih muda walaupun mempunyai kedudukan kuasa yang agak sama masih menghormati dan sering mengikut kata-kata abang atau kakak mereka dalam hal-hal tertentu seperti meminta pendapat tentang bidang pekerjaan yang akan diceburi dan lain-lain.

Bila dewasa, disebabkan ramai yang bekerja atau melanjutkan pelajaran di tempat lain dari kampung seperti di Kuala Lumpur maka masa untuk bersama antara adik-beradik adalah kurang, oleh itu, perhubungan menjadi lebih formal. Kakak atau abang kurang mempunyai kuasa atas adik-adik mereka. Namun begitu didapati mereka lebih senang berinteraksi kerana masing-masing mempunyai pengalaman hidup yang berbeza di tempat-tempat yang berbeza. Skop perbualan mereka menjadi lebih luas.

Dalam keluarga juga didapati bahawa perhubungan antara adik-beradik perempuan adalah lebih mesra dan rapat sesama mereka berbanding dengan adik-beradik lelaki. Ini disebabkan selalunya adik-beradik perempuan lebih kerap berada di rumah dan membuat kerja rumah berbanding dengan adik-beradik lelaki yang lebih menghabiskan masa di luar sama ada berinteraksi dengan kawan ataupun bekerja.

Masih ada kawalan lebih ketat ke atas anak perempuan yang mana lebih ditekankan mereka dikehendaki berada di rumah oleh ibu bapa dan norma sosial berbanding dengan lelaki yang mana dianggap patut dan biasa lebih bebas dan pandai jaga diri. Namun demikian, kini adik-beradik lelaki dan perempuan mempunyai peluang dan hak membuat keputusan sendiri atas hal-hal berkait dengan diri mereka dan abang atau kakak tidak lagi berkuasa kuat terutama dalam hal perkahwinan adik seperti dulu.

Di sini dapat dilihat telah berlaku perubahan perhubungan antara adik-beradik terutama dari aspek pegangan kuasa mereka yang lebih tua. Namun begitu, perhubungan secara keseluruhannya adalah mesra dan baik.

3.4 Hubungan Mertua dan Menantu

Dalam keluarga Cina, perhubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan sering menjadi topik-topik perbualan hangat diperbincangkan oleh kebanyakan orang. Dalam masyarakat kampung perhubungan antara kedua-dua golongan ini memang sensitif dan tidak suka diperbincangkan oleh ahli-ahli keluarga.

Dalam tulisan-tulisan lama menunjukkan perhubungan ini adalah berkonflik di mana sering pihak mertua yang lebih tua mempunyai kekuasaan besar dan kuat dalam keluarga. Di satu pihak pula, menantu perempuan merupakan ahli bukan berasal dari keluarga tersebut, masih dianggap orang luar dalam keluarga tersebut. Oleh itu, selalunya menantu perempuan merupakan pihak yang ditindas dan tidak berkuasa. Keterangan dan penjelasan lebih lanjut tentang perhubungan di antara mertua dan menantu perempuan di Kampung Baru akan dijelaskan dalam bab berikutnya.

3.5 Hubungan Datuk/Nenek dan Cucu

Dalam Kampung Baru kebanyakan keluarga masih merupakan keluarga stem yang mana datuk dan nenek adalah juga tinggal bersama-sama. Hubungan antara cucu dan datuk/nenek adalah secara umumnya bersifat mesra dan baik. Ini adalah kerana kebanyakan ibu bapa bekerja maka masa yang dihabiskan oleh

anak-anak bersama-sama dengan datuk/nenek mereka selepas sekolah adalah lebih banyak.

Semasa kecil, cucu dijaga oleh datuk/nenek ketika ibu bapa mereka pergi kerja. Datuk/nenek yang menyusu dan memberi makanan kepada cucu ketika mereka lapar. Bila sakit, kadang-kadang ibu bapa sibuk maka datuk/nenek yang membawa cucu pergi mendapatkan rawatan. Oleh itu, cucu mempunyai hubungan rapat dengan datuk/nenek mereka. Selalunya hubungan cucu dengan nenek adalah lebih rapat dan mesra daripada dengan datuk. Ini adalah kerana konsep masyarakat Cina yang mana lelaki lebih berwibawa dan tugas menjaga anak atau cucu adalah tugas wanita maka cucu lebih menghabiskan masa dengan nenek dan hubungan mereka lebih rapat.

Dalam sesetengah keluarga didapati cucu lebih manja dengan nenek berbanding dengan ibu bapa mereka. Bila ingikan sesuatu barang, cucu lebih kerap memintanya dari nenek. Ini kerana orang tua lebih sayang dan manjakan kanak-kanak terutama jika dia seorang cucu lelaki. Ini adalah berkaitan dengan tradisi orang Cina yang mementingkan anak lelaki. Bila menghadapi masalah atau dimarahi oleh ibu bapa, anak akan mendapat perlindungan dari nenek atau datuk. Kadang-kadang ini menjadi punca konflik dalam keluarga yang mana ibu bapa merasakan nenek/datuk mencampuri hal didikan anak mereka. Dua generasi yang berbeza mempunyai pemikiran dan fahaman pengajaran kanak-kanak yang berbeza

maka akan berlaku pergeseran dan menyebabkan konflik antara ibu bapa dan datuk/nenek.

Pada masa ini hubungan cucu dengan datuk/nenek tidak lagi serapat dulu terutamanya bila cucu telah meningkat dewasa. Cucu yang kini ada bersekolah dan membesar dalam keadaan persekitaran yang begitu berbeza dengan persekitaran pada zaman dulu mempunyai pandangan dan cara pemikiran yang begitu berbeza dengan datuk/nenek mereka. Kemajuan sains dan teknologi, penciptaan alat-alat permainan yang canggih menjadikan kanak-kanak kini kurang berminat dengan cerita dongeng yang selalu diceritakan oleh datuk/nenek mereka. Wujud jurang perhubungan antara datuk/nenek dengan cucu mereka yang berpendidikan dan kini lebih percaya pada sains daripada pengalaman-pengalaman datuk/nenek mereka yang dianggap kolot dan karut.

Walaupun begitu, secara amnya hubungan antara cucu dengan datuk/nenek adalah baik. Cucu biasa lebih manja dengan nenek berbanding dengan datuk dan ibu bapa kerana anak lebih menghabiskan masa mereka bersama dengan nenek. Di samping itu, bila berlaku konflik antara anak dengan ibu bapa, nenek/datuklah yang selalu memberi perlindungan kepada cucu. Walaupun ini kadang-kadang boleh menyebabkan berlaku konflik antara ibu bapa dengan datuk/nenek, selalunya konflik ini dapat dibendung.

Bab 4 Hubungan Mertua dan Menantu Dalam Kehidupan Seharian

Bab ini akan menjelaskan tentang perhubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan dalam keluarga Cina. Penjelasan ini akan membandingkan perhubungan antara dua golongan ini pada masa dulu dan kini dan melihat apakah benar telah berlaku perubahan perhubungan antara mereka. Penjelasan perhubungan akan dibuat dari aspek ekonomi, urusan rumah tangga dan membuat keputusan di mana mereka terlibat.

4.1 Pekerjaan Atau Ekonomi

Kampung ini terdiri daripada majoritinya penduduk berdailek Hakka. Mereka kebanyakan pada masa dulu terlibat dengan pekerjaan sebagai petani, penoreh getah dan buruh kasar. Kehidupan adalah agak susah dengan bilangan ahli keluarga yang ramai. Semasa berpindah ke Kampung Baru, penduduk-penduduk ini telah diberikan sekeping tapak tanah sebagai tempat mendirikan rumah. Keluasan tanah ini ialah 5000-7000 kaki persegi. Tanah yang berlebihan setelah mendirikan rumah digunakan oleh penduduk untuk menanam sayur-sayuran. Hasil pertanian ini adalah untuk kegunaan sendiri dan lebihannya dijual untuk mendapatkan wang tambahan.

Dari temubual dengan responden golongan mertua, didapati kebanyakan daripada mereka tidak bersekolah ataupun buta huruf. Ada yang bersekolah tetapi setakat menghabiskan sekolah rendah saja. Ini adalah kerana tanggapan masyarakat Cina dulu yang mementingkan anak lelaki memberi peluang pendidikan lebih utama kepada anak lelaki. Di samping itu juga disebabkan keadaan hidup yang susah pada masa dulu maka kebanyakan anak perempuan tinggal di rumah membantu ibu mereka. Disebabkan kurangnya pendidikan bila dewasa mereka terus menceburi bidang pekerjaan yang dijalankan oleh ibu bapa mereka iaitu menanam sayur dan menoreh getah.

Bagi golongan mertua, pada masa dulu tugas penting menantu ialah menjadi seorang menantu yang taat, hormat, rajin dan pandai menguruskan rumahtangga. Disebabkan kerja yang boleh mereka ceburi ialah sebagai pekebun atau penoreh getah, pendapatan adalah rendah dan selalunya diserahkan semuanya kepada mertua. Ladang getah atau tanah tanaman adalah kepunyaan pihak keluarga suami, oleh itu, isteri adalah bergantung hidup pada keluarga suami dan tidak dapat berdikari dari segi ekonomi.

Juga disebabkan kurang berpendidikan mereka kurang berpengetahuan untuk mempersoalkan hak mereka. Kebanyakan golongan mertua amat bergantung kuat kepada adat yang sedia wujud. Adalah sukar bagi mereka untuk mengubah adat ini kerana dipercayai akan datang bencana dan balasan yang akan diterima kelak. Kerana bersikap demikian menyebabkan golongan ini tidak

dapat berdikari dan hanya turut perintah serta hormat pada suami dan mertua. Mereka lebih menerima segala ini sebagai nasib.

Dari penjelasan seorang responden mertua, beliau menjelaskan,

"Mertua saya tidak suka kan saya, dia selalu mencarik kesalahan saya. Kedudukan saya seperti orang gaji dalam rumah. Suami saya ikut saja kata-kata ibunya kerana tidak ingin dikatakan oleh orang lain sebagai anak yang tidak mengenang budi. Disebabkan saya tidak ada kerja yang lebih baik dan tidak dapat berdikari, saya menerima semua ini sebagai nasib."

Menantu dulu terpaksa membuat kerja yang banyak. Selain menoreh getah, ada di antara mereka terpaksa berkebun sayur, membela babi dan menguruskan kerja rumahtangga. Suami bekerja sebagai buruh atau menoreh, jarang membantu dalam hal kerja domestik. Bagi mertua ini merupakan tugas menantu, mereka hanya membantu dalam menjaga cucu dan memberi arahan kepada menantu melaksanakan kerja yang dikehendaki. Mengikut seorang responden,

"Tiap-tiap hari saya terpaksa bangun pagi, pergi menoreh, selepas balik dari menoreh terpaksa memasak, cuci pakaian dan kemas rumah. Sebelah petang pergi ke kebun sayur bekerja di sana. Pada masa yang sama memotong sayur untuk membela babi. Kerja saya begitu banyak, walaupun letih tidak boleh menyalahkan siapa kerana inilah yang dikatakan tugas yang sepatutnya seorang menantu yang baik lakukan."

Dengan demikian, didapati bahawa menantu dulu adalah lebih susah hidup mereka. Disebabkan kurang berpendidikan dan bergantung hidup sepenuh pada keluarga suami, menjadikan mereka mempunyai taraf yang rendah dalam keluarga. Mereka terpaksa turut saja suruhan suami dan mertua. Walaupun perhubungan tidak baik dengan mertua, terpaksa terima saja.

Bila membuat temubual dengan golongan menantu, didapati kebanyakan mereka kini terus bekerja walaupun setelah berkahwin, disebabkan ada kemudahan pendidikan yang baik. Kesedaran ibu bapa juga tentang pentingnya pendidikan terhadap masa depan anak mereka maka tidak kira anak lelaki atau anak perempuan masing-masing mempunyai peluang sama untuk mendapat pendidikan.

Dengan ada pendidikan menantu kini mempunyai peluang dan boleh mendapat pekerjaan yang lebih baik. Mereka telah menarik diri dari mencebur dalam bidang ekonomi tradisional seperti ibu bapa mereka iaitu sebagai penoreh getah, pekebun dan buruh kasar. Sebaliknya kebanyakan mereka menceburkan diri dalam bidang pekerjaan sebagai pekerja kilang, kerani, promoter di shopping centre dan guru sama ada di sekitar kampung ini ataupun di bandar-bandar lain. Mereka bekerja makan gaji yang mana mempunyai jaminan gaji tetap tiap-tiap bulan. Ini membolehkan golongan menantu ini mempunyai simpanan sendiri berbanding dengan dulu yang terpaksa menyumbangkan semuanya kepada kegunaan keluarga seluruhnya.

Mengenai perhubungan antara menantu dengan mertua, dari penjelasan mertua, menantu kini adalah sangat beruntung dan bahagia daripada menantu pada zaman mereka. Menantu kini lebih bebas dari kongkongan kekuasaan mertua. Ini adalah kerana mereka ada kerja sendiri, ada pendapatan sendiri dan boleh berdikari. Jika tidak suka dengan mertua boleh pindah keluar dan bentuk keluarga sendiri.

Disebabkan mertua kebanyakan bergantung hidup pada anak yang tinggal dengan mereka, oleh itu, perhubungan dengan menantu turut berubah supaya dapat hidup aman di bawah satu bumbung. Perhubungan mereka adalah lebih bersifat tolak-ansur dan mertua tidak campurtangan sangat tentang hubungan suami isteri anaknya dan cucu mereka. Oleh itu, dapat dilihat perubahan positif. Hubungan antara mertua dan menantu lebih mesra disebabkan menantu ada sokongan ekonomi sendiri berbanding dengan menantu dulu yang tidak ada ekonomi sendiri.

Menurut golongan menantu bekerja, kini perhubungan mereka dengan mertua menjadi lebih baik dengan mereka mencebur diri dalam bidang pekerjaan. Kerana menantu dulu selalu di rumah dan masa bersama dengan mertua adalah banyak maka itu kemungkinan berlaku pergeseran juga banyak. Selain itu bekerja di bawah bidangkuasa pihak keluarga suami iaitu menoreh getah untuk pihak keluarga suami menambahkan kekuasaan mertua atas menantu maka kemungkinan berlaku konflik di antara kedua-dua golongan

ini adalah besar. Keadaan ini sama dengan catatan dalam Meyer Barash,

"..... as they live in the same house they cannot avoid each other, and the two women may spend most of their time together in cramped quarters.they have fewer outside interest on which to release frustration and aggressions."(1970, hlm. 86)

Oleh itu, didapati perhubungan lebih bersifat konflik walaupun terpendam antara dua golongan ini pada masa dulu.

Bagi golongan menantu disebabkan kini mereka bekerja dengan orang lain maka mereka kurang tertakluk di bawah kekuasaan mertua mereka kecuali dalam aspek ritual dan adat tertentu. Dengan bekerja masa bersama antara dua golongan ini menjadi kurang, oleh itu kemungkinan berlaku pergeseran juga menjadi kurang. Dalam pada itu, dengan ada pendapatan sendiri, menantu lebih berdikari dari segi ekonomi. Mertua yang telah tua mengharapkan dapat tinggal bersama anak mereka jadi cuba mengubah sikap terhadap menantunya pula. Dengan ini jelas telah ada perubahan perhubungan antara dua golongan ini disebabkan perubahan pekerjaan dan ekonomi yang dipegang oleh menantu kini berbanding dengan dulu.

Di sini dapat dilihat bidang yang boleh diceburi oleh menantu begitu luas jika ada pendidikan. Dari menoreh getah, berkebun dan menjadi buruh kasar bertukar kepada menjadi pekerja kilang, kerani, promoter dan guru. Juga kerana pembangunan dan

kemajuan ekonomi semakin pesat di sekitar kampung ini, telah mempengaruhi fikiran golongan mertua bahawa zaman telah berubah. Oleh itu mereka juga patut berubah sikap untuk menyesuaikan diri dengan keadaan baru ini. Kata seorang responden tua,

"Zaman kini telah tidak sama, menantu kini ada pendapatan sendiri, jika tidak suka boleh pindah keluar saja dan tidak semestinya tunduk pada kekuasaan mertua. Oleh itu, mertua juga turut berubah sikap dan pemikiran untuk menyesuaikan diri dengan keadaan supaya dapat hidup lebih bahagia dalam keluarga yang sama."

Walau bagaimana pun, menantu kini tidak simpan semua pendapatan mereka. Mereka juga turut menyumbang kepada pendapatan keluarga. Selalunya mereka secara sendiri menyumbangkan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk tambahkan pendapatan keluarga supaya hidup menjadi lebih selesa. Jadi dapat dilihat kehidupan telah berubah dan perhubungan antara kedua-dua golongan ini juga turut berubah.

4.2 Urusan Rumahtangga

Dalam hal urusan rumahtangga, golongan menantu dulu terpaksa melakukan segala kerja rumah seorang diri ataupun bersama menantu lain yang terdapat dalam keluarga sama. Pada anggapan mertua inilah kerja yang patut menantu lakukan, oleh itu, mertua jarang membantu dalam kerja memasak, mencuci, mengemas dalam rumah. Selalunya hidup dalam keluarga besar perlu memasak untuk semua ahli keluarga, mengemas rumah yang besar adalah

memakan masa dan tenaga yang banyak. Mertua hanya memberi pesanan dan menantu yang membuat kerja. Selalunya mertua memastikan tugas-tugas yang dipesan kepada menantu dilaksanakan seperti yang dikehendaki.

Dari segi pembelian barang-barang keperluan masakan dan kegunaan keluarga adalah dibuat oleh mertua. Ini adalah kerana dari temubual, golongan mertua memberitahu bahawa kewangan keluarga adalah dipegang oleh mertua mereka. Oleh itu, mertua yang membuat urusan belian harian untuk keluarga. Menantu hanya buat apa yang telah dipesan dengan sebaik-baiknya. Jika ada apa-apa kekurangan dan ingin membelynanya, hendaklah meminta wang dari mertua. Ini juga disebabkan semua wang telah diserahkan bawah pegangan mertua.

Memandangkan menantu dulu perlu buat kerja yang banyak dan berkedudukan rendah dalam keluarga maka tugas mendidik dan menjaga anak diambil sepenuhnya oleh mertua. Mertua dulu tidak memberi kuasa didik anak kepada menantu terutamanya jika anak itu anak lelaki. Walaupun kadang-kadang menantu tidak setuju dengan cara didikan mertua tetapi mertua lebih berkuasa oleh itu terpaksa menurut saja. Kata-kata mertua sebagai golongan generasi tua yang dihormati mesti dituruti oleh menantu dan campurtangan mertua dalam hal didikan anak adalah tidak boleh dibantah.

Bila menantu pergi menoreh dan berkebun, mertua menjaga anak yang masih kecil dan pada masa yang sama menjalankan tugas

mendidik anak-anak ini dari segala aspek termasuk tata tertib dan ritual. Suami juga bersama-sama mendidik anak bersama-sama dengan ibunya. Ini menjadikan anak lebih rapat dengan nenek mereka dan mertua menjadi lebih berkuasa atas anak tersebut daripada ibunya. Kata seorang responden,

"

Setiap hari kami sibuk dengan kerja, jadi mertualah yang ambilalih tugas menjaga anak dan mendidiknya ikut cara tradisi mereka. Dalam banyak aspek saya kurang berkuasa campurtangan dalam mendidik anak sendiri, mertualah orang berkuasa dalam semua hal."

Oleh kerana mertua yang menjaga dan mendidik anak, kadang-kadang jika mertua tidak suka pada menantu tersebut beliau akan mengajar cucunya supaya tidak ikut kata-kata ibunya. Ini menjadikan menantu menjadi lebih rendah taraf dalam keluarga kerana anak sendiri juga tidak menghormatinya. Mengikut seorang responden mertua, bila dia menyuruh anak lelakinya menolong dalam kerja rumah, neneknya menyuruh cucunya itu supaya tidak berbuat demikian dan anak tersebut mengikut kata-kata neneknya dan engkar pada suruhan ibunya. Hal mendidik anak selalu merupakan punca konflik antara mertua dan menantu.

Pada masa ini, dari pendapat responden mertua, menantu berkuasa dalam mendidik anak mereka sendiri. Walaupun menantu bekerja, tugas mendidik anak dipegang kuat oleh menantu sendiri. Semasa bekerja mertua menolong menjaga anak tetapi setelah menantu pulang dari kerja, tugas ini diambilalih sendiri oleh menantu. Ini adalah kerana menantu menganggap didikan mertua

tidak berapa sesuai dengan keadaan masa kini. Namun demikian, dari aspek ritual dan adat, didikan masih dibuat oleh mertua. Inilah satu aspek yang tidak berubah sejak dulu hingga kini. Menurut seorang menantu,

"Kini zaman telah moden, didikan tradisi telah tidak sesuai, oleh itu saya mengajar anak saya dengan cara saya sendiri. Namun begitu, saya terima campurtangan mertua dalam didikan anak saya dari aspek adat dan ritual kerana mereka lebih mengetahui daripada kami yang muda."

Dari aspek kerja memasak, mencuci dan mengemas rumah, kelihatan dua golongan ini bekerjasama dalam kerja-kerja ini. Bila menantu pergi bekerja, mertua pergi membeli sayur, memasak dan menjaga anak. Kadang-kadang mertua yang tolong mengemas rumah atau mencuci pakaian. Menurut seorang responden menantu yang bekerja sebagai kerani,

"Bila saya bekerja, mertua saya buat kerja rumah dan tolong jaga anak saya. Tetapi pakaian adalah dibasuh oleh saya sendiri. Masa cuti saya melakukan semua kerja ini dan mertua rehat pula. Kami bekerjasama dalam hal-hal rumahtangga."

Dari pemerhatian, sebelah pagi bila menantu pergi kerja, mertua akan pergi beli sayur, memasak dan menjaga cucunya. Bila menantu balik sebelah petang, menantu memasak dan menjaga anak sendiri, mertua berehat pula. Dari sini dapat dilihat perhubungan antara mereka bersifat lebih harmoni dan bekerjasama dalam urusan rumahtangga.

Ray Nyce dalam tulisannya mengenai Kampung Baru di Malaya pernah mencatat,

"Both the young woman and her husband work during the day, often returning in the early afternoon. While the wife is away, the mother-in-law tend the child. When she returns from work, wife takes up household duties such as washing the child and assisting in the cooking." (Ray Nyce, 1973, hlm. 40)

Catatan beliau ini adalah sama dengan hasil pemerhatian yang telah didapati dalam kampung ini. Jelas dalam keluarga yang menantu bekerja, hubungan mertua dengan menantu adalah lebih harmoni dan pembahagian kerja dijalankan antara dua golongan ini. Namun begitu menantu akan memberi sedikit wang pada mertua mereka sebagai balasan menolong menjaga anaknya walaupun kadang-kadang tidak diminta oleh mertua. Dengan kerjasama begini dalam urusan rumah tangga, menantu tetap boleh pergi kerja walaupun telah berkahwin dan beranak manakala mertua tidak rasa keseorangan dan boleh menikmati kehidupan keluarga bersama dengan anak dan cucu.

4.3 Membuat Keputusan

Menurut responden golongan mertua, pada zaman mereka mertualah paling berkuasa dalam keluarga. Bagi responden ini kerana mertua lelakinya telah meninggal dunia lebih awal maka kekuasaan keluarga adalah di dalam tangan mertua perempuannya.

Mertua yang memegang semua kewangan keluarga dan memutuskan keputusan dalam keluarga. Untuk masakan harian dan barang-barang yang perlu dibeli, mertua yang putuskan dan menantu hanya ikut saja. Mertua lelaki merupakan ketua dan orang utama mencari nafkah dalam keluarga bersama-sama dengan anak lelakinya yang lain maka urusan rumah tangga adalah diserahkan kepada mertua perempuan dan menantu.

Dalam membeli barang-barang perabot, hadiah kepada saudara dan barang-barang untuk upacara-upacara, mertua yang membuat keputusan. Dalam keluarga dulu, menantu tidak berkuasa mempersoalkan hal-hal begini. Dalam keluarga, menantu tidak bebas membuat keputusan walaupun atas anak sendiri. Segala rancangan hendaklah dibuat oleh isteri dengan suaminya, selalu suami yang berkuasa buat keputusan dan isteri ikut saja. Mertua hendaklah diberitahu tentang rancangan dan keputusan yang telah dibuat oleh suami isteri. Jika mertua bersetuju barulah boleh dilaksanakan tetapi jika mertua tidak bersetuju maka hendaklah dibatalkan rancangan tersebut atau ditukarkan rancangan kepada yang bersesuaian dengan kehendak mertua.

Jika menantu bercadang membeli almari, dia akan meminta persetujuan suaminya dulu dan kemudian suami akan memberitahu ibunya hal tersebut. Walaupun suami telah bersetuju menambah almari, persetujuan dari ibunya adalah masih diperlukan. Dengan ini keputusan akhir adalah terletak pada mertua kerana beliau yang memegang kewangan dalam keluarga. Jadi boleh dikatakan semua

keputusan hal rumah tangga adalah diputuskan oleh mertua. Selain itu, tindakan meminta persetujuan dari mertua juga sebagai tanda hormat anak dan menantu terhadapnya.

Untuk pendidikan anak, selalu menantu dulu membiarkan suami yang membuat keputusan jenis pendidikan yang patut anak mereka terima. Isteri menurut saja kerana bagi mereka suami yang aktif di luar lebih mengetahui tentang hal-hal pendidikan. Oleh sebab selalunya lelaki yang lebih berpendidikan maka keputusan yang mereka buat selalu dianggap munasabah dan baik oleh si isteri. Isteri kurang meminta hak diri dalam membuat keputusan keluarga.

Dari penjelasan golongan menantu dan mertua kini didapati keputusan keluarga banyak dibuat bersama antara mereka. Dalam hal memasak dan membeli sayur, mertua dan menantu kadang-kadang akan berbincang apa yang hendak dibeli dan dimasak. Jika menantu bekerja, mertua sendiri yang putuskan apa yang hendak dibeli dan dimasak. Namun begitu, di sini dapat dilihat pendapat mertua dan menantu sama-sama diambilberat oleh kedua-dua pihak dan ini merupakan satu aspek yang berbeza dengan dulu.

Oleh kerana menantu kini ramai yang bekerja dan ada pendapatan sendiri, kuasa mereka dalam keluarga menjadi kuat berbanding dengan dulu di mana mereka selalu berada di kedudukan yang rendah. Disebabkan menantu juga sebahagian daripada penyumbang kepada pendapatan keluraga maka dalam membuat sesuatu perbincangan dan rancangan, pendapat menantu

juga diminta sebelum membuat sesuatu keputusan. Di samping itu, menantu kini lebih menuntut hak sama dalam keluarga berbanding dengan dulu. Menantu boleh membeli barang-barang yang mereka suka dan rasakan perlu tanpa mendapat persetujuan suami atau mertua kerana mereka ada wang sendiri. Namun demikian, dalam setengah-setengah keadaan pendapat dari mertua akan diminta oleh menantu sebelum keputusan dibuat sebagai tanda menghormati mereka yang lebih tua.

Dari segi keputusan didikan dan pendidikan anak, menantu kini mempunyai kuasa lebih. Disebabkan mereka juga sebahagian daripada golongan yang terdidik mereka akan cuba membuat pilihan terbaik untuk anak mereka demi kepentingan masa depan anak mereka. Suami dan isteri bersama-sama membuat keputusan tentang sekolah mana yang patut anak mereka masuki dan aktiviti yang sesuai untuk anak mereka. Mertua kini tidak berhak mempengaruhi keputusan pendidikan yang dibuat oleh anak dan menantunya, kerana zaman sekarang pendidikan begitu penting dan ibu bapa lebih mengetahui tentang keadaan semasa daripada mertua.

Namun begitu, bagi keputusan tentang menghantar dan memberi hadiah, membeli barang-barang sembahyang, semuanya masih dibuat oleh mertua. Ini, kata golongan menantu, kerana mereka yang tua lebih mengetahui tentang aspek adat dan jenis barang yang sesuai dihantar. Tetapi tentang pembelian mungkin menantu yang tolong belikan barang yang telah diputuskan oleh

mertua. Jelas bahawa keputusan tentang aspek adat, menantu tidak campurtangan dan memberi semua kuasa kepada mertua mereka.

Dengan penjelasan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa telah berlaku perubahan perhubungan antara mertua dan menantu perempuan masa ini. Disebabkan ada pendidikan lebih baik dan kemajuan serta pembangunan ekonomi yang maju; menantu kini mempunyai lebih banyak pilihan kerja, ada pendapatan sendiri dan seterusnya mendapat kuasa dan kedudukan lebih baik dalam keluarga. Perhubungan menjadi lebih harmoni dengan menantu bekerja kerana kurang masa bersama akan mengurangkan kemungkinan berlaku pergeseran di antara mertua dan menantu.

Menantu kini lebih bebas dari kongkongan kekuasaan mertua. Mereka bertolak-ansur dan bekerjasama dalam urusan keluarga. Dengan ini walaupun menantu bekerja masih mempunyai peluang dan masa berinteraksi dengan mertua. Bagi mertua kebanyakan juga menyetujui menantu mereka bekerja kerana dengan ini dapat meringankan tanggungan hidup keluarga yang dipikul oleh anak mereka dan kurang masa bersama perhubungan akan lebih baik.

Bagi menantu dengan bekerja mereka ada ekonomi sendiri mendapat kedudukan dan hak lebih dalam keluarga. Oleh itu adalah baik bekerja di mana dapat kurangkan masa bersama dan berselisih dengan mertua. Anak kecil menjadi tajuk perbualan yang kerap, membentarkan interaksi antara mertua dan menantu. Walaupun kadang-kadang terdapat konflik antara mertua dan menantu iaitu

selalu kerana didikan anak mereka. Namun secara keseluruhan perhubungan telah berubah dan tidak lagi bersifat dominasi pihak yang tua ke atas pihak yang muda. Pemikiran mertua kini lebih terbuka,mereka tidak meminta dengan rigid menantu berkelakuan seperti menantu di zaman masa mereka.

Bab 5 Upacara dan Adat-Istiadat

Dalam bab-bab yang lepas telah dituliskan tentang keluarga dan hubungan dalam keluarga Cina. Dalam bab ini akan diuraikan secara ringkas tentang upacara atau adat-istiadat yang dipandang penting oleh orang Cina iaitu perkahwinan(*Jie hun*), kematian(*Zang li*) dan menyembah nenek moyang dan tuhan-tuhan lain(*Ji si*). Di sini akan dilihat bagaimana upacara atau adat istiadat ini diamalkan secara ringkas dan perubahan yang telah berlaku dari segi pengamalan pada masa ini.

5.1 Perkahwinan

Perkahwinan merupakan pintu masuk atau proses untuk seseorang mendirikan rumah tangga. Ia juga sebagai jalan masuk untuk mendapatkan kebebasan yang lebih besar dalam komuniti khususnya untuk perempuan. Ini kerana setelah berkahwin taraf sosial seseorang itu akan berubah di mana dia dianggap matang dan boleh membuat keputusan yang wajar yang boleh diterima dan diiktiraf oleh masyarakat. Juga dari perkahwinan, seseorang itu berubah peranan dari anak menjadi isteri, ibu dan menantu kepada keluarganya(Harriet R. Reynolds, 1964, hlm. 64). Oleh itu perkahwinan adalah satu langkah dalam penerusan sesebuah keluarga dan masyarakat.

Masyarakat Cina yang mengamalkan prinsip nasab bapa dan prinsip eksogami clan adalah melarang seseorang itu berkahwin dengan orang yang ada hubungan kekeluargaan dekat dengan keluarga mereka dan mereka yang sama *surname* atau *xing* (Maurice Freedman, 1958, hlm. 4). Perkahwinan di antara sepupu terutama sepupu selari adalah dilarang kuat kerana dikatakan mereka mempunyai hubungan darah yang begitu dekat, jika dilakukan ini akan menyebabkan berlaku perkara sumbang muhrim dalam keluarga itu. Ikut kepercayaan orang Cina, saudara yang mempunyai perhubungan darah dekat jika berkahwin akan melahirkan anak yang cacat, rendah IQ dan lain-lain yang tidak baik(mengikut informan utama). Ia akan membawa nasib malang pada generasi akan datang dan seterusnya.

Dengan itu perkahwinan eksogami sangat ditekankan. Selain itu mereka yang sama *surname* tidak dibenarkan berkahwin juga. Ini adalah disebabkan orang Cina menganggap mereka yang sama *surname* dengan mereka pada satu ketika dulu adalah berasal dari tempat atau kampung yang sama di negara China, mungkin juga mereka adalah dari nenek moyang yang sama. Oleh itu mereka mungkin mempunyai perhubungan persaudaraan atau perhubungan darah maka adalah tidak digalakkan berkahwin antara mereka.

Dalam masyarakat Cina perkahwinan merupakan perkara besar dan penting dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, upacara perkahwinan adalah banyak dan memakan belanja yang besar. Peraturan sebelum dan semasa serta selepas perkahwinan juga

banyak. Perkahwinan orang Cina di kampung ini dimulakan dengan pemilihan jodoh yang dilakukan oleh anak itu sendiri. Setelah anak memberitahu ibu-bapanya bahawa dia ingin berkahwin maka pihak lelaki akan menghantar wakil bagi pihaknya pergi ke rumah pihak perempuan untuk menanyakan persetujuan dari ibu bapa pihak perempuan. Setelah persetujuan didapati, mereka akan berunding tentang pemilihan hari dan masa yang sesuai(*ze ji*) untuk menjalankan upacara perkahwinan.

Di samping itu, juga dibincangkan jumlah wang hantaran(*Pin jin*) yang dikehendaki oleh pihak perempuan dan barang-barang yang diperlukan(*Pin li*). Biasanya wakil ini(*Mei ren*) adalah orang tua, selalunya wanita yang telah berkahwin dan tahu tentang adat-adat Cina.sama ada dari ahli keluarga sendiri atau saudara. Pada masa dulu peringkat ini adalah rumit di mana mengikut responden utama perlu mengambil tarikh lahir si lelaki untuk dipadankan dengan tarikh lahir si perempuan,untuk melihat reaksi, jika dalam tempoh tertentu tidak ada apa-apa perkara malang berlaku barulah perkahwinan akan dipersetujui. Tetapi kini langkah-langkah itu telah ditinggalkan, perempuan dan lelaki mempunyai kebebasan memilih pasangan sendiri dan adat ini dianggap kolot.

Selepas rundingan dipersetujui, pihak lelaki akan memberi wang hantaran kepada pihak perempuan mengikut jumlah yang telah dipersetujui sebagai balasan ibu bapa membesar anak tersebut. Selalunya wang hantaran ini adalah berjumlah sekurang-kurangnya \$2000 ke atas bergantung kepada keadaan ekonomi

keluarga pihak lelaki; jika kaya, wang hantaran yang diminta lebih banyak jumlahnya. Dulu wang hantaran adalah diberi kepada ibu bapa perempuan tetapi kini ia lebih merupakan wang untuk pengantin perempuan membeli barang-barang yang perlu untuk perkahwinannya. Ia biasa digunakan untuk membeli barang-barang kemas yang boleh dipakai oleh pengantin perempuan pada hari perkahwinan untuk menunjukkan statusnya. Dulu perabot pengantin baru dibeli oleh pihak perempuan tetapi kini pihak lelaki yang menyediakan semua ini.

Ibu bapa kedua-dua pihak akan meminta tukang tilik(*Xiang shi*) memilih hari dan masa yang paling sesuai(*Ze ji*) untuk menghantar barang hadiah(*Pin li*) kepada pihak perempuan. Hadiah-hadiah terdiri daripada babi panggang, biskut, arak dan ayam. Semua hadiah ini hendaklah disediakan dalam berpasangan kecuali babi panggang. Selalunya biskut ialah antara seratus hingga dua ratus kotak, arak empat atau enam botol dan ayam enam atau lapan ekor. Bagi orang Cina semua ini perlu berpasangan untuk menunjukkan tanda baik pasangan pengantin baru akan berpasangan sepanjang umur mereka(mengikut informan utama).

Setelah selesai semua hantaran ke rumah perempuan, selepas satu atau dua hari atau seminggu, pihak lelaki akan datang menjemput pengantin perempuan bersama-sama dengan beberapa buah kereta selain daripada kereta pengantin pada hari perkahwinan yang dikenali sebagai *Qing ying*. Kereta-kereta yang mengikut kereta pengantin bertujuan membawa adik-beradik pihak

pengantin perempuan. Pengantin lelaki akan membawa pengantin perempuan balik ke rumahnya ikut masa atau *ji si* yang telah dipilih dan ditetapkan itu. Ini adalah bertujuan untuk membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak keluarga. Orang Cina amat mementingkan tepat waktu dan baik atau *ji* dalam upacara perkahwinan. Semasa pengantin perempuan sampai di rumah pihak lelaki dan turun dari kereta, ibu bapa mertuanya dikehendaki mengelak sebentar iaitu tidak terus bertembung dengan pengantin yang baru turun dari kereta. Ini dikatakan supaya mereka akan hidup aman dan damai di bawah satu bumbung dengan pengantin baru.

Selepas masuk pintu rumah lelaki maka upacara menyembah nenek moyang dan tuhan-tuhan yang ada di rumah dilaksanakan dengan pengantin perempuan dan lelaki memegang colok dan menyembah pada tuhan-tuhan yang ada. Penyembahan dilakukan sebagai tanda hormat pada tuhan-tuhan yang ada di rumah dan bagi upacara menyembah nenek moyang pula ialah bertujuan memberitahu nenek moyang bahawa generasi terkemudian ini telah besar dan telah berumahtangga serta kini keluarga mereka telah bertambah ahlinya. Selain itu ia juga menunjukkan sikap hormat dan sentiasa dalam ingatan ahli keluarga kepada nenek moyang mereka. Upacara ini dilakukan di rumah kedua-dua pihak lelaki dan perempuan.

Selesai upacara ini, upacara menghidang teh diadakan. Teh dihidangkan kepada saudara-mara bermula dengan ibu bapa mertua kepada kakak atau abang yang telah berumahtangga, saudara yang

lebih tua dan sama generasi yang behubungan rapat dan telah berumahtangga. Semasa menghidang teh, saudara-mara yang meminum teh pengantin baru ini akan memberi *ang pao* yang berupa wang atau barang kemas kepada pengantin baru sebagai ucapan tahniah atas perkahwinan mereka. Upacara ini juga dilakukan di rumah kedua-dua pihak lelaki dan perempuan pada hari pengantin baru.

Pada sebelah petang hari perkahwinan, jamuan makan akan diadakan di restoran oleh pihak lelaki. Dalam jamuan ini kawan-kawan dan saudara-mara pihak lelaki dan perempuan akan dijemput hadir. Sebenarnya bagi pihak perempuan jamuan makan untuk kawan-kawan dan saudar-maranya telah diadakan sehari sebelum hari perkahwinan dan pada hari perkahwinan pihak lelaki yang membuat jamuan untuk kawan-kawan dan saudara-maranya. Namun demikian pihak pengantin juga diberi beberapa meja untuk saudara-mara dan kawan-kawannya. Bila sampai pertengahan jamuan, pasangan baru akan dijemput tampil ke depan bersama-sama dengan ibu bapa kedua-dua pihak untuk menjalankan upacara menukar cicin atau *jiao huan jie zi* dan ucapan tahniah kepada pasangan pengantin baru. Setelah selesai jamuan, pengantin baru pulang ke rumah sebelah lelaki dan berehat.

Hari ketiga selepas berkahwin, pasangan baru dikehendaki pulang ke rumah sebelah isteri. Semasa pulang, dua batang tebu dibawa bersama-sama yang memberi makna ada daya dan tenaga. Tebu ini hendaklah lengkap iaitu mempunyai daun dan akar. Di

samping itu, sedikit buah tangan yang terdiri daripada sedikit kuih dan buah-buahan juga diperlukan. Bagi pengantin perempuan yang tinggal jauh, upacara balik ke rumah atau *huan men* ini dilakukan pada hari perkahwinan dengan kedua-dua pengantin baru mengelilingi kereta pengantin satu pusingan semasa pengantin lelaki menyambut pengantin perempuan. Upacara mengelilingi kereta pengantin ini membawa maksud pengantin perempuan telah dibawa pulang ke rumah. Dengan itu seluruh tatacara perkahwinan dianggap selesai.

Dari penerangan serba sedikit di atas dapat dilihat terdapat banyak adat dan upacara dalam perkahwinan orang Cina. Ia menelan belanja yang besar. Namun pada hari ini, untuk menjimatkan wang dan kekuasaan undang-undang, hanya perlukan pendaftaran saja pasangan itu disahkan sebagai suami isteri dari segi undang-undang. Walaupun begitu, pada masyarakat kampung ini upacara perkahwinan Cina perlulah diadakan untuk memberitahu penduduk tempatan dan saudara-mara bahawa mereka telah berkahwin dan boleh hidup bersama. Ini bermakna melalui pendaftaran saja tidak cukup atau mendapat kesahan masyarakat, sekurang-kurangnya satu jamuan yang paling ringkas seperti jamuan teh mesti diadakan untuk memberitahu saudara-mara tentang perkahwinan mereka.

5.2 Kematian

Kematian merupakan satu peristiwa yang semestinya akan dilalui dan ditemui oleh semua manusia dalam sepanjang hayat mereka, hanya tidak tentu ialah di mana dan bila. Bagi semua masyarakat, kematian merupakan sesuatu yang dianggap sungguh menyediakan kerana ia bermakna akan kehilangan seseorang yang dikasihi untuk selama-lamanya.

Walaupun orang Cina sudah lama meninggalkan tanahair mereka, namun kebudayaan Cina yang tradisional dan kepercayaan yang tertentu masih diamalkan. Kebudayaan yang merangkumi semua aspek yang berkaitan dengan adat resam, seni muzik dan lain-lain diteruskan turun-temurun sehingga kini. Di antara adat dan upacara kaum Cina yang paling ketara ialah kematian. Bagi orang Cina upacara ini mesti diadakan sebesar dan sebaik yang mungkin untuk menunjukkan kehormatan mereka terhadap orang yang telah meninggal dunia terutamanya kedua-dua ibu bapa. Upacara ini selalunya memakan belanja yang besar sehingga beribu-ribu ringgit.

Orang Cina yang mementingkan nasab bapa, upacara kematian juga banyak berunsurkan sistem ini. Lelaki memainkan peranan penting dalam upacara kematian ini. Sepanjang tempoh upacara kematian, terdapat beberapa pantang larang yang harus dipatuhi agar upacara ini dapat dijalankan dengan licin dan teratur. Biasanya upacara ini akan berlangsung selama tiga, lima atau tujuh hari

bergantung pada kemampuan kewangan ahli-ahli keluarga dan kemahanuan mereka.

Bila berlaku kematian dalam sesebuah keluarga, semua ahli keluarga dimestikan hadir, seelok-eloknya hadir semasa si mati menghembuskan nafas terakhir. Ini adalah kerana dikatakan seseorang yang meninggal dengan tidak disedari oleh anak-anaknya dianggap sebagai tidak mempunyai anak sebenarnya kerana waktu dia meninggal tidak ada anak yang menemaninya dan menghantarnya. Oleh itu adalah penting anak-anak berada di sisi si mati sebelum dia meninggal dunia. Anak-anak dikehendaki menangis sekuat-kuatnya untuk menunjukkan kesedihan dan kesayangan mereka terhadap si mati.

Semasa upacara kematian dijalankan, patung-patung berhala yang terdapat di rumah mesti ditutup dengan kertas merah. Ini adalah kerana patung-patung berhala yang disembah dengan tujuan untuk mendekati tuhan maka tidak boleh bersemuka dengan roh si mati. Jika tidak berbuat demikian, dipercayai akan memusnahkan roh si mati. Selain itu, ia juga bertujuan tidak melanggar tradisi bahawa tuhan yang bermartabat tinggi berbanding dengan roh si mati, oleh itu sepatutnya tidak bersemuka secara terus.

Pakaian tradisi yang ditempah khas dan diperbuat berasaskan kepada pakaian tradisional Cina akan disediakan untuk si mati. Selalunya pakaian ini dibuat awal-awal lagi semasa si mati masih hidup. Pakaian ini terdiri daripada tujuh helai baju dan helaian

terluar sekali adalah paling bercorak dan cantik. Sebelum memakaikan pakaian ini ke atas si mati, mengikut responden utama, mayat itu mesti dimandikan dahulu iaitu dengan melapkan badan mayat dengan air bercampur daun limau barli, agar dia bersih sebelum pergi ke alam baqa. Di samping itu, si mati juga dihiaskan dengan barang kemas yang diperbuat daripada perak. Sebutir mutiara tulen dimasukkan ke dalam mulut si mati untuk menunjukkan dia sangat bahagia semasa hidup.

Semasa upacara dijalankan, colok dinyalakan agar bau harumnya akan menarik roh si mati ke kawasan penyembahan. Di samping itu, lilin putih dinyalakan sebagai simbol kematian si mati dan pada masa yang sama memberi petunjuk jalan benar kepada roh si mati. Mengikut kepercayaan orang Cina, setelah meninggal dunia, semua adalah dalam kegelapan, oleh itu perlu lilin dan colok untuk menerangkan dan menunjukkan jalan yang sepatutnya kepada si mati.

Tujuh buah pelita minyak juga dinyalakan dan diletak di bawah keranda supaya mengekalkan kesinambungan roh si mati ke arah dunia akhirat. Pelita ini mesti dijaga baik supaya tidak padam, kerana dipercayai cahaya pelita itu dapat menyinari jalan kepada roh si mati untuk melangkah ke dunia akhirat. Di samping itu, kertas sembahyang atau *yin zi* dan duit neraka atau *ming chao* sentiasa dibakar untuk mengelakkan roh si mati daripada sebarang gangguan iblis atau syaitan semasa dalam perjalannya ke dunia akhirat. Ia dianggap sebagai pembayaran untuk cukai jalan ini.

Sebelum dimasukkan mayat dalam keranda atau *guan cai*, pakar agama taoism atau *dao shi* diupah untuk menjalankan upacara membuka keranda atau membuka cahaya. Semua ahli keluarga dikehendaki melutut untuk menunggu kedatangan roh si mati. Pada masa yang sama pakar taoism akan menyuruh anak si mati membuang duit ke dalam tangki air yang membawa maksud membeli air sambilan untuk kegunaan si mati. Keranda akan diisikan dengan pakaian kepunyaan si mati, kertas sembahyang bersaduran emas dan perak dengan penuh di keliling mayat supaya mengelakkan gegaran mayat berlaku ketika menggerakkan keranda.

Ahli keluarga si mati terpaksa memakai baju yang berwarna gelap untuk mengenangi si mati. Warna cerah atau berwarna-warni adalah dilarang, ini adalah kerana ia menunjukkan kegembiraan dan keriangan tetapi kematian merupakan sesuatu yang menyedihkan. Warna gelap memberi makna sedih dan muram, oleh itu warna gelap dipilih, contohnya anak si mati akan memakai pakaian berwarna putih atau hitam, cucu memakai warna biru dan cicit memakai warna hijau. Untuk orang Cina, dalam upacara ini cucu lelaki sulung adalah dianggap sebagai anak bongsu kepada si mati, maka cucu sulung akan memakai pakaian yang sama seperti anak-anak kepada si mati.

Sepanjang upacara, anak dan cucu adalah dilarang memakai kasut. Namun demikian, selipar jut dibenarkan dipakai semasa perjalanan ke tanah perkuburan. Adalah dipercayai si mati akan

ditertawakan dan dihina oleh kawan-kawannya jika anak-cucunya memakai kasut semasa upacara ini. Anak dan cucu juga tidak dibenarkan mandi sebelum keranda itu ditutup. Dipercayai jika mereka mandi, mayat si mati akan mengalirkan cecair keluar. Anak perempuan atau menantu perempuan yang mengandung tidak dibenarkan melihat upacara menutup keranda dan tidak dibenarkan mengikut rombongan ke tempat perkuburan. Ini disebabkan mengandung merupakan satu perkara yang menggembirakan dalam masyarakat Cina dan kematian suatu perkara yang menyedihkan, pertemuan kedua-dua perkara menggembirakan dan sedih ini adalah tidak baik. Oleh itu mereka yang mengandung perlu ikat benang merah dipinggang yang mana benang itu sama panjang dengan panjang keranda. Ini dipercayai akan membuang sial.

Selepas tutup keranda, pakar taoism atau *dao shi* akan melafazkan kata-kata suci untuk mengurangkan dosa si mati serta mendoakan keselamatannya. Upacara ini disebut *chao tu* dan dijalankan supaya roh si mati dapat melangkah ke syurga iaitu *tian tang*. Upacara ini dijalankan pada setiap malam sebanyak tiga atau empat kali(semasa upacara pengebumian), semasa dijalankan semua ahli keluarga mesti bersama-sama melutut dan mengambil colok menyembah si mati. Saudara-mara dan sahabat-handai akan hadiri upacara pengebumian ini dan akan memberikan wang takziah kepada keluarga si mati sebagai bantuan kewangan untuk melaksanakan upacara ini. Mereka yang hadir dalam upacara ini akan diberi benang merah dan gula-gula untuk tujuan membuang sial.

Sebelum diangkut ke kawasan perkuburan, akan diadakan upacara melalui jambatan atau *gua ciao* di mana semua ahli keluarga berpegangan tangan sambil mengelilingi keranda dan melalui sekeping papan yang telah ditinggikan. Ini dianggap sebagai membawa roh si mati melalui jambatan dan jalan-jalan yang akan dihadapinya kemudian hari. Selepas itu, keranda akan diusung ke tempat perkuburan diikuti oleh rombongan orang yang terdiri daripada saudara-mara si mati. Tuala akan diberikan kepada mereka yang mengikuti rombongan ke tanah perkuburan sebagai tanda membuang sial.

Di tanah perkuburan, sebelum keranda ditutupi tanah, setiap ahli keluarga akan mencampak segenggam tanah ke tempat pengebumian pada masa yang sama setiap ahli keluarga akan menyalakan colok untuk menyembah si mati. Sebatang daripada colok itu mesti dibawa balik sebelum ia habis beryala bersama-sama dengan gambar si mati dan juga tanglung. Ini menunjukkan si mati telah di bawa pulang ke rumah.

Setelah selesai pengebumian, ahli-ahli keluarga hendaklah mencuci muka dengan air yang mengandungi lima jenis bunga berlainan warna dan menyikat rambut sebelum masuk ke rumah. Ini dikatakan membersihkan diri dari kemungkinan diikuti atau dikenakan oleh roh atau perkara yang tidak baik, juga sebagai tanda buang sial. Kemudian dua buah tanglung putih yang dibawa balik dari tanah perkuburan akan digantung di kaki lima rumah.

Di atas tanglung itu dituliskan nama keluarga dan umur si mati. Jika si mati ialah lelaki maka nama keluarga sendiri dituliskan, jika si mati ialah perempuan maka nama keluarga suami ditulis dahulu dan diikuti dengan nama keluarga perempuan. Ini menunjukkan lelaki menjadi terutama dan diberatkan dalam sistem nasab bapa, di mana setelah berkahwin, nama keluarga suami hendaklah didahulukan daripada nama keluarga sendiri. Ini adalah kerana setelah berkahwin, yang perempuan telah menjadi sebahagian daripada ahli keluarga suaminya, oleh itu mesti mengikut adat-adat yang telah ditentukan. Pepatah Cina ada menyebut *Sheng wei chang jia ren, si wei chang jia hun* yang bermaksud "hidup sebagai ahli keluarga suaminya, mati sebagai roh keluarga suaminya juga."

Di samping itu, sebuah rumah kertas akan dibina dan gambar si mati akan diletakkan di tengah-tengah rumah itu. Selepas empat atau tujuh hari, upacara bakar rumah kertas dan peralatan lain dijalankan. Gambar si mati akan dialihkan dan diletakkan di atas satu tempat pemujaan yang tertentu. Rumah dan peralatan dibakar adalah bertujuan untuk kegunaan si mati di dunia lain. Upacara ini disebut *kong tek*, selepas upacara ini nama si mati akan disenaraikan ke dalam senarai nama-nama nenek moyang yang sedia ada dan disembah bersama-sama. Upacara *kong tek* ini biasanya dijalankan setelah tiga tahun kematian si mati.

Biasanya selepas tujuh, empat belas, empat puluh sembilan, seratus hari, satu tahun dan tiga tahun, satu penyembahan akan

diadakan. Ahli keluarga boleh berkabung selama empat puluh sembilan, seratus hari, satu tahun atau tiga tahun mengikut kehendak masing-masing. Dalam jangkamasa berkabung, ahli keluarga hanya boleh memakai pakaian berwarna gelap. Jika si mati ialah lelaki iaitu bapa, satu kain empat segi kecil akan dipinkan di lengan kiri baju ahli-ahli keluarga manakala jika si mati perempuan iaitu ibu maka kain kecil itu dipinkan di lengan kanan baju. Ini adalah kerana dalam konsep ritual masyarakat Cina, tangan kiri dianggap lebih superior daripada tangan kanan. Dalam nasab bapa, lelaki dipandang lebih berkuasa dan superior, oleh itu tangan kiri wakili lelaki dan kanan wakili perempuan.

Kini upacara kematian masih diamalkan di sini, namun dapat dilihat banyak aspek yang dipandang rumit telah diketepikan. Disebabkan perbelanjaan yang diperlukan selalunya besar maka ada penduduk mengadakan upacara kematian ini tidak sebesar dulu. Ada yang memilih cara menjemput wakil-wakil dari persatuan Buddha tempatan untuk mengadakan upacara membaca doa, yang mana lebih mudah dan lebih menjimatkan. Tetapi ramai penduduk di sini tetap memegang pemikiran dan konsep tradisi dari segi ritual, oleh itu upacara sebegini tetap berterusan walaupun ada alternatif yang lebih menjimatkan.

5.3 Upacara Pemujaan Nenek Moyang dan Tuhan-tuhan Lain

Penduduk-penduduk di Kampung Baru ini kebanyakannya merupakan pengamal agama Cina iaitu mereka masih memuja nenek moyang dan tuhan-tuhan lain. Ini merupakan satu aspek tradisi dalam agama Cina yang mana banyak dipengaruhi oleh Confucianism. Pemujaan nenek moyang di rumah adalah pada peringkat keluarga. Biasanya ia dipuja oleh orang-orang yang pada masa hidup mempunyai perhubungan kekeluargaan rapat dengan pemuja-pemuja. Bagi masyarakat Cina, bila seseorang meninggal dunia seperti ibu atau bapa, ia akan dipuja sebagai seorang nenek moyang. Nenek moyang dipuja biasanya ialah mereka yang berasal dari sistem keturunan nasab bapa.

Dalam perarakkan pengebumian orang Cina, foto si mati akan diletakkan di depan kereta mayat. Selepas upacara pengebumian, foto itu akan di bawa balik dan diletak di tempat pemujaan di rumah. Sebijik periuk colok dengan colok yang terbakar di bawa pulang oleh dua orang anak lelaki yang melambangkan keturunan nasab bapa. Pada hari jangkamasa berkabung terakhir, upacara buat tiga tahun atau *zuo san nian* akan dijalankan meskipun jangkamasa berkabung hanya selama beberapa bulan sahaja.

Dulu selalunya mereka berkabung selama tiga tahun mengikut ajaran Confucius, tetapi kini kerana terpaksa bersesuaian dengan kemudahan dan kesesuaian kerja, jangkamasa berkabung telah

dipendekkan dan sebagai satu tanda atau simbol yang mereka telah berbuat demikian. Selepas itu upacara pulih rumah dijalankan di mana gambar dan patung-patung tuhan digantung balik ke tempat yang asal dalam rumah. Bagi mereka yang ingin terus memelihara nenek moyang di rumah, maka ia hendaklah disediakan satu tempat pemujaan baru untuk nenek moyang di sebelah kanan tempat pemujaan tuhan lain. Jika tidak, tempat pemujaan nenek moyang tidak akan didirikan.

Untuk masyarakat Cina, bilik tetamu bukan saja berfungsi sebagai tempat sosial tetapi juga sebagai tempat ritual. Ibu atau bapa meninggal dunia dalam rumah, peti mayatnya akan diletakkan di bilik tetamu tetapi bagi mayat seseorang teman atau saudara yang bukan dari keturunan keluarga, mayatnya tidak boleh diletak di bilik tetamu. Biasanya dalam rumah, tempat pemujaan nenek moyang juga diletak di bilik tetamu, iaitu di sebelah kanan tuhan-tuhan lain. Bagi orang Cina sebelah kiri lebih superior oleh itu tuhan-tuhan yang disembah diletak di sebelah kiri manakala kanan adalah lebih rendah taraf maka pemujaan nenek moyang adalah di sebelah kanan.

Nenek moyang dalam rumah diwakili oleh *shen zhu pai* atau tablet nenek moyang yang diperbuat daripada papan kecil dan tertulis nama dan maklumat mengenai nenek moyang, ini adalah mengikut sistem tradisional. Sekarang ada yang dibuat dari bahan logam dan bukan papan lagi. Di Kampung Baru, kebanyakan orang Cina hanya menulis nama-nama dan maklumat mengenai nenek

moyang dengan tulisan hitam di atas sekeping kertas merah yang kemudiannya dibingkai dan dipuja.

Pada hari biasa, pemujaan melibatkan seorang dalam keluarga biasanya perempuan membakar dan juga memacakkan colok di dalam bekas colok. Pada tiap-tiap hari pertama dan kelimabelas dalam tiap-tiap bulan Cina, lilin juga harus dipasang ketika memuja dan teh juga disembahkan. Upacara amal korban penting pada hari ulang tahun kematian dan juga pada hari-hari perayaan Cina seperti *Ching Ming*. Pada hari *Ching Ming* mesti memuja di depan tempat pemujaan dan di tanah perkuburan dengan barang-barang seperti ayam, buah-buahan atau sayur-sayuran.

Di kampung ini, keluarga berasingan menyembah nenek moyang secara berasingan iaitu bila sesebuah keluarga besar berlaku perpecahan keluarga dengan anggota yang berpindah ke tempat lain; jika dia terus hendak mengamalkan pemeliharaan nenek moyang maka dia perlu mempunyai *shen zhu pai* yang berasingan. Tetapi tulisan pada *shen zhu pai* adalah sama dengan *shen zhu pai* yang ada dalam keluarga asal mereka. Pada Tahun Baru atau hari perayaan besar, biasanya masakan yang sedap dimasak dan diletak atas sebuah meja yang terletak di depan *shen zhu pai*. Kemudian colok dibakar dan nenek moyang dijemput untuk makan. Ini adalah sebagai tanda hormat anggota terhadap nenek moyang kerana mereka lahir baru ada generasi sekarang maka perlu mereka dipuja dan makan dahulu sebelum anak-cucunya makan.

Kemudian kertas perak akan dibakar, ia merupakan wang untuk nenek moyang. Orang Cina percaya setelah meninggal dunia roh akan hidup di dunia lain maka untuk mereka dapat hidup senang, kertas perak yang merupakan wang untuk orang yang telah meninggal dibakar. Ini juga sebagai tanda hormat dan sayang kepada nenek moyang. Semasa hidup, nenek moyang telah bersusah payah membesar anak, tetapi belum sempat menikmati hidup senang telah meninggal dunia maka dengan membakar kertas perak kepada mereka diharap mereka akan mempunyai duit yang cukup dan dapat hidup senang di dunia lain. Pembakaran kertas perak juga menunjukkan penghabisan ritual pemujaan.

Pada masa kini, frekuensi yang kurang terhadap pemujaan nenek moyang membayangkan perubahan dalam bentuk pemujaan dan bukan satu alamat kehilangan sesuatu amalan keagamaan. Masyarakat kini yang lebih sibuk dengan pekerjaan dan mencari nafkah hidup telah sedikit sebanyak mengurangkan pemujaan terhadap nenek moyang. Namun demikian, pada hari-hari ulang tahun kematian dan perayaan penting, pemujaan tetap dan mesti diadakan terhadap nenek moyang bagi mereka yang ada menempatkan *shen zhu pai* di rumah.

Di samping pemujaan nenek moyang, penduduk-penduduk Kampung Baru juga memuja tuhan-tuhan seperti *Kuan Ti*, *Kuan Yin* dan *Tu-ti Kong* yang berdasarkan keperluan manusia daripada tuhan-tuhan atau kuasa-kuasa kesaktian mengenai kesejahteraan dan harapan untuk menghadapi berjenis-jenis kesusahan serta

keadaan ketidakteraman dalam dunia ini. Kebanyakan keluarga menyembah tuhan *Kuan Yin* yang mana merupakan tuhan yang maha penyayang dan berhati mulia. *Kuan Yin* mempunyai hati yang adil dan mulia dan ia selalu membantu orang-orang yang dalam kesusahan. Selain itu *Kuan Yin* juga sentiasa mendoakan keselamatan kepada ahli-ahli keluarga.

Bagi mereka yang berniaga terutamanya suka menyembah tuhan *Kuan Ti* dan *Tu-ti Kong* yang mana *Kuan Ti* merupakan penjaga kelincinan perniagaan. *Kuan Ti* sebenarnya merupakan seorang pahlawan terkenal pada zaman dulu di nagara China. Beliau merupakan seorang yang taat setia kepada ketuanya dan seorang pahlawan yang gagah. *Kuan Ti* sebagai simbol taat dan gagah dikatakan boleh menghalau mereka yang cuba merosakkan perniagaan yang dijalankan atau disebut sebagai *xiao-ren*. *Tu-ti Kong* pula merupakan tuhan yang menjaga tanah dan kesejahteraan keluarga. Boleh dikatakan hampir tiap-tiap keluarga ada menyembah *tu-ti kong* yang sebagai Tuan kepada tanah tersebut.

Dalam penyembahan tuhan-tuhan ini, pada hari kebiasaan, colok akan dipasang dua kali sehari iaitu sebelah pagi dan petang. Tetapi pada hari pertama dan kelimabelas dalam bulan Cina, lilin dan colok akan dinyalakan bersama-sama. Selain itu bunga-bunga segar dan buah-buahan juga diletakkan di depan tempat penyembahan tuhan-tuhan tersebut. Ini adalah sebagai tanda menghormati dan berterima kasih kepada penjagaan dan kemuliaan hati tuhan-tuhan tersebut menjaga kesejahteraan hidup keluarga dan ahli-ahlinya.

Dalam upacara dan adat-istiadat Cina ini, ia adalah dikendalikan dan diuruskan terutama oleh mertua dalam sebuah keluarga. Dalam upacara perkahwinan, mertua yang mengaturkan dan melaksanakan seluruh upacara dari menghantar wakil hingga kepada jamuan makan. Bagi upacara kematian, orang tua yang berpengalaman seperti mertua yang lebih mengetahui adat dan pantang larang yang mesti diikuti ,menguruskan upacara ini. Hanya bagi upacara menyembah nenek moyang dan tuhan-tuhan lain, ahli-ahli keluarga yang mengetahui cara penyembahan boleh mengendalikannya sendiri. Selalunya dalam keluarga yang ada orang tua, penyembahan selalu dilakukan oleh orang tua. Tetapi jika ia merupakan keluarga nuklear yang terdiri daripada orang muda maka selalunya si isteri yang melakukan segala penyediaan dan penyembahan dalam upacara menyembah nenek moyang dan tuhan-tuhan lain.

Oleh itu secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa masyarakat Cina di Kampung Baru masih mengamalkan upacara dan adat-adat tradisi Cina yang dibawa dari negara China oleh nenek moyang mereka. Namun begitu dari segi pemujaan didapati banyak aspek-aspek yang rumit telah dibuang. Kini adat dan upacara yang masih diamalkan telah mengalami perubahan dan dipermudahkan cara-cara pemujaannya. Walau demikian, nenek moyang dan tuhan-tuhan lain tetap diamalkan pemujaannya meskipun oleh generasi muda yang boleh dikatakan telah moden dan berpendidikan.

Bab 6 Kesimpulan

Kajian ini yang bertujuan melihat perhubungan dalam keluarga Cina kini berbanding dengan dulu dan corak keluarga Cina secara am. Dalam masa menjalankan kerja lapangan walaupun menghadapi masalah-masalah tertentu, namun demikian data-data yang dikehendaki dapat juga dikumpulkan dengan kerjasama pihak ketua kampung dan pelbagai informan. Data-data tambahan didapati dari kajian perpustakaan untuk memberikan penjelasan lebih jelas tentang bidang kajian yang dibuat.

Persoalan utama yang hendak dilihat dalam kajian ini ialah bagaimana corak hubungan-hubungan dalam keluarga Cina kini berbanding dengan dulu khasnya hubungan mertua dan menantu perempuan yang berkerja. Hubungan mertua dan menantu selalu dikatakan berkonflik maka kajian ingin melihat adakah berlaku perubahan.

Di samping itu juga ingin melihat pertama sekali dalam hubungan merta-menantu ini, adakah dengan bekerja menantu dapat mengurangkan pergeseran dengan mertua. Kedua, kedudukan menantu bekerja, adakah mereka kini lebih baik kedudukannya dalam keluarga dan akhir sekali melihat adakah menantu kini berkuasa dalam hal membuat keputusan dalam keluarga. Di samping itu aspek-aspek lain seperti upacara dan adat juga dilihat untuk melihat adakah berlaku perubahan.

Secara keseluruhan dari kajian didapati hubungan dalam keluarga Cina di Kampung Baru ini memang terdapat perubahan dalam aspek-aspek yang telah dicatatkan di atas. Dengan kemajuan ekonomi dan peningkatan pendidikan serta pembangunan pesat di seluruh negara telah mencipta dan memberi banyak peluang yang terbuka kepada individu untuk mencuba nasib dalam berbagai bidang untuk mencari punca kewangan sendiri. Dengan pegangan ekonomi di tangan sendiri dan dapat berdikari, individu-individu dalam keluarga kini telah bebas dari pegangan dan kongkongan kekuasaan mana-mana pihak ahli dalam keluarga.

Kini perhubungan antara mertua perempuan dan menantu perempuan menjadi lebih harmoni dan bersifat tolak-ansur. Dari kajian telah dapat diberi penjelasan kepada persoalan pertama yang mana memang dengan bekerja menantu dapat mengurangkan pergeseran dengan mertua. Ini adalah kerana masa mereka berada bersama adalah kurang. oleh itu, lebih kurang ada kemungkinan berlaku konflik antara kedua-dua golongan ini.

Namun begitu, konflik kadang-kadang berlaku terutama tentang didikan anak di rumah yang mana kedua-dua golongan ini mempunyai cara pemikiran dan didikan yang berlainan. Aspek konflik ini mempunyai persamaan dengan konflik yang berlaku pada masa dulu. Tetapi konflik ini sering dapat dibendung di mana golongan mertua kini lebih memberi kebebasan kepada golongan

muda untuk mendidik anak mereka dengan cara mereka sendiri bersesuaian dengan keadaan masa ini.

Bagi persoalan kedua, didapati juga dengan ada pendidikan dan peluang yang terbuka luas, menantu kini ramai yang bekerja. Dengan bekerja menantu mempunyai pendapatan sendiri dan boleh berdikari dari segi ekonomi maka ini menjadikan mereka juga sebahagian daripada penyumbang kepada pendapatan keluarga. Oleh kerana menantu juga menyumbang kepada keluarga, kedudukan mereka kini dalam keluarga telah berubah yang mana lebih baik keadaannya berbanding dengan dulu. Selain itu anak perempuan masa ini turut berubah kedudukan dalam keluarga dan mereka juga sama dipentingkan oleh ibu bapa dalam segala aspek termasuk pendidikan.

Dengan berubahnya kedudukan dalam keluarga, menantu kini juga turut mempunyai lebih hak dan menuntut lebih hak dalam membuat keputusan keluarga. Pada masa dulu mereka langsung tidak berhak dalam buat keputusan keluarga malah perkahwinan sendiri. Namun demikian, kini mereka dengan ada pendidikan, sedar tentang hak diri maka lebih menuntut hak termasuk dalam membuat keputusan keluarga. Pandangan dan pendapat mereka turut diminta dan diambilkira oleh golongan tua dalam membuat keputusan. Dengan demikian jelas terdapat perubahan kedudukan menantu dan perempuan dalam sesebuah keluarga.

Di samping hubungan dalam keluarga mengalami perubahan, aspek lain dalam kehidupan keluarga Cina juga turut mengalami perubahan dengan berubahnya zaman. Dalam zaman yang serba moden dan pentingkan teknologi ini, generasi muda lebih utamakan kemudahan dan jimat maka banyak upacara dan adat-istiadat yang diamalkan sejak turun-temurun telah banyak diubah dan ada yang telah diketepikan.

Pada masa ini, upacara yang masih kekal dan diutamakan iaitu perkahwinan, kematian dan penyembahan nenek moyang dan tuhan-tuhan lain masih diperaktikkan tetapi telah banyak dipermudahkan dari segi langkah-langkah apakah langkah-langkah yang memakan belanja besar dan masa banyak telah diketepikan.

Seterusnya dari aspek pemilihan jodoh juga telah mengalami perubahan. Pemilihan jodoh masa ini adalah bebas dan dibuat oleh anak sendiri. Walaupun begitu perkahwinan eksogami tetap ditekankan dan kesahan masyarakat adalah diperlukan dengan mengadakan upacara perkahwinan tertentu. Jenis kediaman juga turut mengalami perubahan yang mana kini kediaman neolokal lebih disukai di samping kediaman patrilokal.

Dari aspek pekerjaan, dulu disebabkan pada zaman penjajahan British getah mempunyai permintaan dan harga yang tinggi maka ramai penduduk terlibat dengan penggerjaan getah. Pada masa kini dengan kemajuan teknologi dan perindustrian, kilang-kilang banyak

dibuka di sekitar kawasan kampung ini, ia menawarkan peluang pekerjaan lebih stabil dan terjamin kepada penduduk. Gaji tetap bulanan membolehkan penduduk tidak bergantung hidup pada pengeraian getah yang mana harga pasarnya yang turun naik, menjadikan kehidupan keluarga lebih stabil. Dengan demikian, kini mereka yang terlibat dengan pengeraian getah telah berkurangan dan menceburkan diri dalam bidang perindustrian, terutamanya oleh golongan generasi muda. Ini merupakan satu aspek perubahan ekonomi yang jelas dilihat di kampung ini.

Daripada kajian ini didapati ia menemui kesimpulan yang hampir sama dengan kajian yang pernah dibuat oleh Olga Lang ke atas keluarga Cina di Negara China. Beliau mendapati kemajuan ekonomi dari segi perindustrian dan peningkatan taraf pendidikan telah menyebabkan berlaku perubahan dalam keluarga Cina.

Perhubungan dalam keluarga termasuk perhubungan mertua dan menantu turut berubah akibat perubahan ekonomi dan pendidikan. Di samping itu, perubahan berlaku juga ke atas jenis keluarga yang mana kini lebih pada keluarga stem atau kecil. Pemilihan jodoh secara bebas dan pengamalan adat dan upacara turut dipermudahkan.

Kajian juga menunjukkan hubungan dalam keluarga Cina kini lebih bersifat samarata antara jantina dari segi peluang, kuasa dan hak. Penindasan dan kekuasaan pihak yang tua ke atas pihak yang muda semakin berkurangan. Penglibatan anak-anak muda dalam

pekerjaan dan penghijrahan ke tempat lain untuk bekerja, mengurangkan pengawalan dan kekuasaan pihak tua ke atas mereka yang muda. Bagi golongan menantu perempuan dan mertua perempuan kini hubungan lebih bersifat kerjasama antara mereka daripada bersifat penindasan seperti dulu.

Keseluruhan kajian menunjukkan satu lagi aspek yang tetap dan masih kekal dalam hubungan keluarga Cina iaitu sikap hormat pada mereka yang tua. Walaupun penindasan tidak lagi atau jarang berlaku, sikap hormat kepada mereka yang tua dan yang telah membesarakan anak tetap ditekankan dari dulu hingga kini. Perhubungan dalam keluarga yang baik dapat membentuk keluarga yang aman dan harmoni.

Bibliografi

- Baker, Hugh D. R.
1979 *Chinese Family and Kinship.* New York : Columbia University Press.
- Barash, Meyer
1970 *Marriage and The Family : A Comparative Analysis of Contemporary Problems.* New York : Random House.
- Bott, Elizabeth
1971 *Family and Social Network.* London : Tavistok Publication (2nd. ed.).
- Djomour Judith
1965 *Malay Kinship and Marriage In Singapore.* London : Athlone Press.
- Doolittle, Justus
1986 *Social life of The Chinese.* Singapore : Graham Brash, vol.I.
- Freedman, Maurice
1958 *Lineage Organization In The Southeastern China.* London: Athlone Press.
- 1970 *Chinese Family and Marriage In Singapore.* New York: Johnson Reprint. Corp.
- H. D. Lakshminarayana
1968 *Analysis of Family Pattern Through A Century.* Poona: Deccan College.

- Lang, Olga
1968 *Chinese Family and Society.* Hamden : Archon Books.
- Liu, Hui-Chen(Wang)
1959 *The Traditional Chinese Clan Rules.* New York : Locust Valley.
- Man Sigh Das
1979 *Family In Asia.* London : G. Allen and Unwin.
- Maso'od Abd. Rashid
1988 *Keluarga.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nimkoff, Meyer Francis
1965 *Comparative Family System.* Boston : Houghton Mifflin.
- Nyce, Ray
1973 *Chinese New Village In Malaya : A Community Study.* Malaysia : Sociological Research Institute Ltd.
- Pasternak, Burton
1972 *Kinship and Community In Two Chinese Village.* California: Stanford University Press.
- Radcliffe-Brown A.R.
1968 *Structure and Function In Primitive Society.* London: Cohen and West Ltd.

- Reynolds, Harriet Robertson
1964 Continuity and Change In The Chinese Family
In The Ilocos Provinces, Phillipines. Thesis (Ph. D.) :
Hartford Seminary Foundation.
- Tan Chee Beng
1979 *Baba and Nyonya : A Study of Ethnic Identity of
The Chinese Peranakan In Melaka.* Thesis (Ph. D.) :
Cornell University.
- Winch, Robert Francis
1971 *The Modern Family.* New York : Holt, Renehart and
Winston.
- Wolf, Margery
1972 *Women and The Family In Rural Taiwan.* California:
Stanford University Press.
- Zainal Bin Kling
1969 Sistem Kekeluargaan Melayu Di Melaka Utara.
Dissertation (M.A.) : Universiti Malaya.

Lain-lain

1. Maklumat Asas Kampung-kampung Dalam Daerah Tampin, Negeri Sembilan, 1990.